

KONTRADIKSI ASPEK DIDAKTIK DALAM PUISI  
TERPILIH USMAN AWANG: KAJIAN DARIPADA  
TEORI SEMIOTIK

MOHAMMAD SHAHMIN BIN MEJAH

UNIVERSITI

MALAYSIA

KELANTAN

IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN

2023



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

**KONTRADIKSI ASPEK DIDAKTIK DALAM PUISI TERPILIH USMAN  
AWANG: KAJIAN DARIPADA TEORI SEMIOTIK**

Oleh:

**MOHAMMAD SHAHMIN BIN MEJAH**

**C19A0228**

**PROJEK PENYELIDIKAN INI DIHANTAR UNTUK MEMENUHI SYARAT  
IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN DENGAN KEPUJIAN**

**FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF DAN WARISAN  
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

2023

## PENGESAHAN TESIS

Saya dengan ini mengesahkan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan untuk ijazah tinggi kepada mana-mana Universiti atau Institusi.

- TERBUKA Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)
- SEKATAN Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau dalam talian (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah
- Dari tarikh \_\_\_\_\_ sehingga \_\_\_\_\_
- SULIT (Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)
- TERHAD (Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Kelantan. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.

TANDATANGAN



Mohammad Shahmin Bin Mejah

TANDATANGAN PENYELIA



Dr. Afidatul Syazwani Binti Afandi

C19A0228

Tarikh: 20/02/2023

Tarikh: 20/02/2023

## PENGHARGAAN

Alhamdulillah, bersyukur kepada Allah SWT kerana dengan keizinan-Nya, kajian projek penyelidikan ini berjaya disiapkan dengan jayanya. Saya merakamkan ucapan terima kasih kepada kedua ibu dan bapa saya yang telah memberikan sokongan moral secara langsung dan tidak langsung kepada saya dalam melaksanakan tanggungjawab ini dengan sebaik mungkin saya juga meramkan rasa syukur kerana dapat melanjutkan pelajaran ke institut pengajian tinggi Universiti Malaysia Kelantan dalam bidang pengajian warisan elektif kesusasteraan warisan.

Selain itu, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Dr. Afidatul Syazwani Binti Afandi selaku penyelia bagi projek penyelidikan yang telah banyak memberikan tunjuk ajar, bimbingan dan nasihat sepanjang menyiapkan kajian ini dengan sempurna dan lengkap.

Ucapan penghargaan ini juga ditujukan kepada rakan seperjuangan saya yang banyak membantu dan memberikan sokongan yang baik kepada saya untuk mengatasi masalah yang dihadapi bersama-sama dalam menyiapkan projek penyelidikan ini dengan jayanya.

## ISI KANDUNGAN

PERKARA	HALAMAN
<b>BAB 1: PENDAHULUAN</b>	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	5
1.3 Pernyataan Masalah	8
1.4 Persoalan Kajian	12
1.5 Objektif Kajian	13
1.6 Skop Dan Batasan Kajian	14
1.7 Kepentingan Kajian	15
1.8 Definisi opsional	17
1.9 Organisasi bab	19
1.10 Rumusan	20
<b>BAB 2: SOROTAN KAJIAN LEPAS</b>	
2.1 Pengenalan	21
2.2 Tinjauan Literatur Berkaitan Aspek Didaktik	23
2.3 Tinjauan Literatur Berkaitan Analisis Puisi Usman Awang	27

2.4 Tinjauan Literatur Berkaitan Teori Semiotik	33
2.5 Rumusan	40
<b>BAB 3: METODOLOGI KAJIAN</b>	
3.1 Pengenalan	41
3.2 Reka Bentuk Kajian	43
3.3 Kaedah Kajian	47
3.4 Proses Pengumpulan Data	48
3.5 Kaedah Analisis Data	49
3.6 Instrumen Kajian	51
3.7 Rumusan	52
<b>BAB 4: DAPATAN KAJIAN</b>	
4.1 Pengenalan	53
4.2 Kontradiksi Dalam <i>Puisi Ke Makam Bonda Dan Jiwa Hamba</i>	56
4.3 Bentuk Pemikiran Dalam <i>Puisi Ke Makam Bonda Dan Jiwa Hamba</i>	74
4.4 Kesan Didaktik Yang Diperolehi daripada <i>Puisi Usman Awang</i> Dalam Membentuk Pola Pemikiran Masyarakat	81
4.5 Rumusan	99

**BAB 5: PENUTUP**

5.1 Pengenalan	100
5.2 Perbincangan	101
5.3 Cadangan	104
5.4 Implikasi Kajian	105
5.5 Rumusan	106
<b>Rujukan</b>	<b>107</b>

## KONTRADIKSI ASPEK DIDAKTIK DALAM PUISI TERPILIH USMAN AWANG: KAJIAN DARIPADA TEORI SEMIOTIK

### ABSTRAK

Kajian ini menumpukan kepada kontradiksi aspek didaktik dalam puisi terpilih Usman Awang iaitu puisi *Ke Makam Bonda* dan *Jiwa Hamba* dengan menggunakan teori semiotik. Menurut Aart Van Zoest (2003) semiotik merupakan pembelajaran tentang tanda dan segala yang berhubungan dengannya seperti cara berfungsi, hubungan dengan tanda-tanda yang lain, penghantar dan penerimaan oleh mereka yang mempergunakannya. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif berdasarkan pembacaan analisis menerusi teks puisi yang telah terpilih. Terdapat tiga objektif yang akan dikaji pengkaji iaitu kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti unsur kontradiksi berdasarkan aspek didaktik yang terdapat pada puisi *Ke Makam Bonda* dan *Jiwa Hamba*, menganalisis bentuk pemikiran yang boleh didapati berdasarkan teori semiotik dalam puisi *Ke Makam Bonda* dan *Jiwa Hamba* dan membincangkan kesan yang dipeolehi daripada puisi Usman Awang dalam membentuk pola pemikiran masyarakat. Berdasarkan analisis yang telah diperolehi, jelas menunjukkan bahawa teori semiotik sesuai diterapkan dalam mengkaji kontradiksi aspek didaktik melalui puisi terpilih Usman Awang kerana ianya mempunyai penuh makna yang tersurat dan tersirat dalam memberikan pengajaran kepada masyarakat.

**Kata Kunci:** Semiotik, Didaktik, Puisi, Usman Awang.



## CONTRADICTIONS OF DIDACTIC ASPECTS IN USMAN AWANG'S SELECTED POEMS: A STUDY FROM SEMIOTIC THEORY

### ABSTRACT

This study focuses on the contradictions of didactic aspects in Usman Awang's selected poems, *Ke Makam Bonda* and *Jiwa Hamba* by using semiotic theory. According to Aart Van Zoest (2003), semiotics is the study of signs and everything related to them such as how they function, relationships with other signs, senders and reception by those who use them. This study uses a qualitative method based on analytical reading through selected poetry texts. There are three objectives that the researcher will study, namely this study is conducted to identify the elements of contradiction based on didactic aspects found in the poem *Ke Makam Bonda* and *Jiwa Hamba*, analyze the form of thought that can be found based on semiotic theory in the poem *Ke Makam Bonda* and *Jiwa Hamba* and discuss the effects obtained from the poetry of Usman Awang in shaping the thinking patterns of society. Based on the analysis that has been obtained, it clearly shows that the semiotic theory is suitable to be applied in studying the contradictions of the didactic aspect through the selected poems of Usman Awang because it has full written and implied meaning in giving lessons to the community.

**Keywords:** Semiotics, Didactic, Poetry, Usman Awang.

## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.1 Pengenalan

Puisi merupakan sebuah prosa moden yang berbentuk satu wadah untuk menginterpretasi pemikiran seseorang dengan bahasa yang indah. Penyampaian bahasa dalam puisi mempunyai gaya bahasa seperti aliterasi, asonansi, metafora, sinkof, personifikasi dan lain-lain lagi. Perkara ini sebenarnya memberikan nilai keindahan dalam penyampaian puisi. Ianya boleh berdiri secara sendiri dan boleh juga disulam dalam seni lain seperti drama puisi, pemujaan atau lirik lagu. Pengungkapan melalui tema, persoalan dan bentuk bahasa yang dihasilkan penulis meletakkan diri mereka dalam kategori yang tertentu. Diksi yang minima tetapi sarat dengan perjuangan falsafah, menuntut pembaca untuk mentafsir daripada pelbagai sudut persepsi yang berlainan. Puisi merupakan sebuah bahasa yang berasal dari bahasa Yunani, iaitu Pocima. Pocima sendiri memiliki arti 'membuat' atau 'pembuatan'. Menurut Aminuddin (2009), puisi diberikan maksud atau didefinisikan sebagai membuat atau pembuatan adalah kerana memang pada dasarnya orang yang membuat puisi telah menciptakan dunia dengan suasana sendiri, baik itu suasana fizik ataupun mental. Secara amnya, golongan manusia yang berkecimpung dalam dunia penghasilan puisi merupakan seseorang yang berfikiran terbuka dan cakna akan nilai estetika dalam bahasa. Golongan ini juga mempunyai kecenderungan untuk bersifat peka terhadap persekitaran sekeliling dan diadaptasi dalam penulisan puisi dengan memberikan ruang kepada diri sendiri untuk bebas bersendirian iaitu dalam kata lain golongan yang mencipta dunia sendiri supaya mampu menghasilkan puisi yang mempunyai nyawa untuk

tatapan dan renungan khalayak masyarakat.

Menurut Kosasih (2012), puisi adalah satu bentuk karya sastra yang menggunakan kata-kata yang indah dan kaya dengan pelbagai makna. Seseorang penulis puisi tidak akan menyajikan puisi yang kosong tetapi sebaliknya mempunyai pelbagai makna yang dapat dikecapi oleh pembaca sama ada makna tersurat ataupun makna yang tersirat. Sekiranya pembaca dapat menyelami puisi tersebut semestinya ia mampu memberikan impak yang baik kepada pembaca sama ada melalui tindakan ataupun pemulihan kepada hati pembaca yang sedang mencari sinar untuk mendapatkan cahaya dalam kehidupan. Seterusnya, puisi dapat diklafisasikan kepada karangan berangkap dimana penyusunan bahagian yang diterapkan adalah berkerat-kerat dan mempunyai kesinambungan bunyi, rentak, atau pengisian dalam penyampainnya. Ianya dapat ditelusuri terhadap bentuk yang wujud pada puisi dimana mempunyai kelas yang tersendiri dalam pembangunan puisi yang baik. Puisi merangkumi suasana yang dapat dibayangkan melalui kata-kata yang digunakan oleh penyair dengan adanya idea, ideologi, atau falsafah. Puisi mempunyai bentuk yang kental, berentak, dan berunsurkan muzik bahasa. Penggunaan bahasa dalam genrenya lebih padat dan teliti dan kadang ianya mendekati irama lagu. Pemerhatian yang dapat dilihat menerusi puisi moden adalah menggariskan dua perkara utama iaitu sifat abstrak dan sifat kontrik. Sifat abstrak pada puisi moden ialah keindahan bahasa, estetika, dan kemerduan bunyi. Manakala sifat kontrik pula ialah merangkumi struktur dasar pada susunan rima, binaan baris dalam rangkap, dan kedudukan suku kata. Puisi merupakan antara genre yang dianggap sukar untuk difahami dari aspek pengayaan bahasa yang digunakan terhadap penulisannya. Maka, puisi yang baik memiliki pertalian antara baris dengan baris, tiada percampuran bahasa dan bahasanya seirama dan puitis.

Menurut Hamalik (2001), maksud didaktik merupakan satu ilmu yang berdiri atau memiliki disiplin sendiri. Hal ini dikatakan demikian kerana didaktik itu merupakan sesuatu

hal yang umumnya memberikan nilai ilmu untuk membentuk jati diri dan keperibadian yang baik kepada manusia secara sejagat. Unsur yang terdapat dalam sesuatu penyampaian ataupun penulisan terhadap nilai kehidupan iaitu didaktik itu mampu memaparkan sesuatu ilmu dalam konsep pengajaran yang berbentuk kemanusiaan. Secara keseluruhannya, manusia yang masih bernafas di bumi milik Allah SWT ini memerlukan jiwa manusia yang tulen dengan melestarikan kebaikan dalam diri dengan memahami nilai yang ada pada ilmu didaktik. Istilah didaktik adalah berkaitan dengan pendidikan dan pengajaran. Hal ini demikian, arah yang dituju oleh didaktik untuk mengetengahkan tema moral atau kebenaran kepada khalayak. Penulisan didaktik kebiasaannya tertumpu kepada teks yang berkecenderungan untuk mendidik ataupun dalam erti kata lain adalah untuk memberi nasihat kepada pembaca. Didaktik sangat sesuai diterapkan dalam bidang kesusasteraan terutamanya dalam penulisan puisi moden. Hal ini jelas terbukti disebabkan matlamat utama puisi moden adalah untuk menitikberatkan mengenai pendidikan dan pengajaran kepada masyarakat sejagat. Dengan ini, penerapan unsur didaktik dalam puisi moden dapat mengaktifkan taakulan pembaca dan memberikan pendedahan terhadap unsur pengajaran yang diselaputi nilai keindahan yang memukau.

Teori semiotik merupakan salah satu bidang kajian bahasa yang mengkaji makna dalam kepelbagaian penggunaan medium bahasa. Perbincangan makna ini merangkumi keseluruhan makna yang ingin disampaikan oleh penulis sama ada berhubungkait dengan situasi atau zaman sesuatu karya yang dihasilkan pada masa itu. Ilmu yang wujud dalam teori semiotik ini sebenarnya membincangkan terhadap sistem tanda dalam sesuatu hal seperti puisi mengikut logik manusia terhadap isi yang terkandung di dunia ini. Tanda merupakan sesuatu yang dilihat merujuk kepada sesuatu, dapat mewakili relasi antara tanda dengan penerima tanda yang bersifat representif dan mengarah pada interpretatif. Hal ini demikian kerana tanda adalah satu perkara yang menjadi simbol kepada makna

tersirat yang dapat difahami melalui pemahaman yang dapat dirungkai dengan jelas. Menurut Aart Van Zoest (2003) yang telah mendefinisikan semiotik merupakan pembelajaran tentang tanda dan segala yang berhubungan dengannya seperti cara berfungsi, hubungan dengan tanda-tanda yang lain, penghantar dan penerimaan oleh mereka yang mempergunakannya. Manakala, teori semiotik daripada Charles Sander Pierce digunakan agar mampu mengkaji karya menerusi pelbagai aspek, misalnya daripada aspek perlambangan, imejan, ekspresi, dan hermeneutik. Hal ini jelas dapat dihasilkan dengan konsep pemikiran yang luas dari orang-orang yang menggunakan tanda dan memerihalkan pemberian makna kepada objek yang dirujuk sebuah tanda. Teori semiotik ini sangat membantu dalam menambah nilai estetika terhadap intipati yang terdapat dalam puisi. Secara tidak langsung, hasil penulisan penulis dapat melatih pemikiran pembaca pada tahap yang lebih tinggi terhadap pemahaman yang tersirat disebalik kosa kata dalam puisi. Misalnya, teori semiotik yang terdapat dalam puisi Usman Awang iaitu *Ke Makam Bonda* dan *Jiwa Hamba* melalui pendekatan yang dibawakan oleh Charles Sander Pierce memberikan kejutuan dalam pendedikasian terhadap unsur tanda dalam pembawaan konsep didaktik yang memerihalkan mengenai tugas serta adab anak terhadap ibu yang telah meninggal dunia dan usaha untuk mewujudkan kebebasan diri daripada terjajah oleh penjajah asing. Oleh itu, teori semiotik mempunyai hubungkait dengan puisi disebabkan ia adalah satu nafas yang segar untuk kemampunan dan keutuhan nilai sesebuah puisi untuk dikaji oleh generasi baharu.

Secara kesimpulannya, teori semiotik yang dipelopori oleh Charles Sander Pierce merupakan pendekatan yang sangat bersesuaian untuk digunakan dalam penghasilan puisi untuk mendidik masyarakat sejagat. Ianya memberikan satu simbol yang mempunyai makna tersirat terhadap tanda yang digunakan dalam merungkai makna yang lain. Jelaslah bahawa puisi merupakan satu wadah dalam penyampaian nasihat yang dapat diterapkan pelbagai perlambangan dalam teori semiotik daripada Charles Sander Pierce.

## 1.2 Latar Belakang Kajian

Kajian ini meliputi kontradiksi dari segi aspek didaktik dalam puisi terpilih Usman Awang. Kontradiksi dalam aspek didaktik memberikan satu tauladan dan sempadan dalam kehidupan manusia terutamanya dalam teks kajian terhadap puisi yang dipilih daripada karya Usman Awang seperti *Jiwa Hamba (1948)* dan *Ke Makam Bonda (1956)*. Kedua-dua puisi ini dikategorikan sebagai kumpulan puisi daripada Usman Awang yang akan dikaji oleh pengkaji.

Puisi Usman Awang yang dipilih iaitu *Jiwa Hamba (1948)* dan *Ke Makam Bonda (1956)* mempunyai keunikan yang tersendiri iaitu memberikan warna-warni dalam persembahan input yang disampaikan oleh Usman Awang dalam dunia sastera. Puisi *Jiwa Hamba (1948)* adalah satu rasa luahan hati Usman Awang terhadap kerobohan Kota Melaka. Keunikan yang jelas wujud dalam penulisan puisi ini kerana ia berdiri dengan tema patriotisme dimana jiwa seseorang yang merdeka bukan jiwa seseorang hamba yang senang diperbudak-budakan. Secara tidak langsung, puisi *Jiwa Hamba (1948)* menitikberatkan mengenai didaktik terhadap nilai jiwa kemerdekaan manusiawi. Manakala puisi *Ke Makam Bonda (1956)* pula adalah merupakan sebuah puisi yang bertemakan kasih bonda. Keunikan yang ada pada penulisan puisi ini adalah dengan adanya penerapan aspek bahasa, nilai dan struktur dalam bait-bait puisi tersebut dalam aspek didaktik.

Penulis terkenal iaitu Wan Osman Bin Wan Awang atau lebih dikenali sebagai Usman Awang telah diiktiraf sebagai seorang sasterawan negara Malaysia pada tahun 1983. Keahlian beliau sangat dikagumi dalam dunia kesusasteraan dengan nama penanya iaitu Tongkat Warrant kerana keperibadian dan penglibatan beliau yang aktif dalam dunia bahasa, sastera dan budaya Melayu. Usman Awang juga merupakan tokoh ASAS 50 yang terlibat dalam penghasilan karya-karya yang berasaskan kepada slogan "Seni untuk

Masyarakat". Karya - karya beliau segar dengan rasa kemanusiaan, romantis dan akrab dengan akar budi Melayu. Beliau telah menghasilkan beberapa kumpulan puisi sebelum ini seperti *Uda Dan Dara (2007)*, *Prosa Air Mata (2008)*, dan *Ayah Belum Pulang (1967)*.

Puisi adalah sebuah benda yang kosong, yang tidak berisi dan tidak bernyawa. Namun puisi menjadi hidup apabila pembaca memberikan pentafsiran makna pada puisi. Teknik penulisan dalam sesebuah karya sastera adalah cerminan daripada legasi pemikiran dan keperibadian seseorang penulis. Menurut Anis Sabirin (1973), puisi dan bahasa sebenarnya mempunyai hubungan yang sangat rapat. Hubungan ini juga menghasilkan sebuah puisi itu dibentuk daripada susunan bahasa yang bukan sahaja bertujuan untuk menghasilkan bunyi yang menarik tetapi juga untuk menyampaikan sesuatu amanat dengan lebih bermakna dan bijaksana. Hal ini jelas memperlihatkan bahawa puisi merupakan sesuatu hal yang diperlukan dalam ruangan minda anak muda pada masa ini kerana ianya dapat menjentik jiwa berdarah muda ini untuk mencintai bahasa dan menerapkan unsur didaktik yang terkandung dalam puisi untuk menjadi santapan rohani. Dalam kajian ini terdapat dua puisi yang dikupas jelas mengenai perspektif kontradiksi aspek didaktik daripada Usman Awang iaitu *Ke Makam Bonda* dan *Jiwa Hamba* yang semestinya menepati teori yang diselitkan dalam kajian ini dalam memastikan kejituan terhadap makna kepada masyarakat iaitu penggunaan teori semiotik.

Teori semiotik dipercayai merupakan penggerak kepada sesebuah karya yang sememangnya wujud sistemnya yang tersendiri. Hal ini dikatakan demikian kerana teori semiotik itu dapat menggagaskan keutuhannya yang tersendiri melalui sistem tanda yang wujud di dalam kotak ruangan semiotik tersebut. Oleh itu, elemen yang wujud dalam teori semiotik ini sebenarnya menyumbangkan suatu proses penciptaan yang melahirkan keberuntungan dalam ilmu sastera itu sendiri kerana sistem karya itu seperti puisi dapat menjadi penelitian yang mampu merangsang kotak pemikiran pembaca kepada keindahan bahasa melalui konteks perlambangan ataupun simbol.

Pendekatan teori semiotik terhadap kontradiksi aspek didaktik dalam puisi Usman Awang dapat memperincikan mengenai pengajaran iaitu aspek didaktik yang terkandung dalam puisi Usman Awang iaitu *Ke Makam Bonda* dan *Jiwa Hamba*. Kedua-dua puisi ini dihasilkan oleh penulis yang sama namun mesej atau tauladan yang digambarkan dalam penulisan dalam kedua-dua puisi ini adalah berbeza. Namun tidak dapat disangkalkan juga terdapat persamaan daripada aspek didaktik yang terkandung dalam kedua-dua puisi ini. Maka, ianya dapat difahami bahawa terdapat persamaan dan perbezaan dalam konteks kontradiksi yang menjadi arus pergerakan dalam penulisan ini. Selain itu, dalam kedua-dua puisi Usman Awang ini iaitu *Ke Makam Bonda* dan *Jiwa Hamba* terdapat bentuk pemikiran yang dapat dihubungkan dengan konteks teori semiotik iaitu simbol yang mempunyai nilai intrinsik dan ekstrinsik. Perlambangan yang digunakan oleh Usman Awang sebenarnya dapat diteliti melalui bentuk pemikiran yang jelas terhadap konteks semiotik yang terkandung dalam puisi-puisi tersebut dalam ruangan luaran dan dalaman puisi. Seterusnya, pendekatan teori semiotik terhadap kontradiksi aspek didaktik dalam puisi Usman Awang dapat memberikan kesan yang positif kepada masyarakat sebagai pengajaran untuk dicontohi dan dijadikan sempadan dalam meneruskan perjalanan kehidupan di dunia ini.

Secara rumusnya, kajian ini iaitu *Kontradiksi Aspek Didaktik Dalam Puisi Terpilih Usman Awang: Kajian Daripada Teori Semiotik* merupakan satu kajian yang memperjelaskan mengenai unsur persamaan dan perbezaan daripada perspektif kontradiksi aspek didaktik terdapat dalam kandungan puisi Usman Awang iaitu *Ke Makam Bonda* dan *Jiwa Hamba* yang juga sebenarnya mempunyai bentuk pemikiran tersendiri dalam perungkaiian teori semiotik terhadap simbol daripada aspek intrinsik dan ekstrinsik dalam kedua-dua puisi tersebut untuk memberikan tauladan dan sempadan kepada masyarakat sejangat dalam menempuhi perjalanan kehidupan dalam sisa usia yang telah ditetapkan oleh Allah SWT.



### 1.3 Permasalahan Kajian

Menerusi penelitian pengkaji, permasalahan yang wujud dalam kajian *Kontradiksi Aspek Didaktik dalam Puisi Terpilih Usman Awang: Kajian daripada Teori Semiotik* adalah berlandaskan menyelidikan pengkaji sendiri dalam merangka satu pembaharuan terhadap penulisan ini. Antara permasalahan kajiannya, menurut Fahd Razy (2008), melalui puisinya menggambarkan pengalaman dan perspektif beliau melihat dunia secara meluas dengan mengekalkan prinsip jati diri Melayu iaitu agama, bahasa, dan budayanya menerusi catatan kembara. Nilai kemanusiaan pada masa ini semakin terhakis disebabkan kelonglaian prinsip jati diri Melayu akibat ditepis oleh anasir luar dan masyarakat Melayu kurang penghayatan terhadap aspek didaktik dalam perungkaiian makna puisi. Permasalahan ini dapat diminimakan peratusnya dengan adanya pembaharuan dalam penulisan puisi yang bersifat alaf globalisasi. Pemikiran yang diwakilkan penyampaiannya dengan penulisan yang menepati cita rasa generasi baharu dapat membuka minda golongan tersebut bagi mengenali diri sendiri dan memurnikan prinsip jati diri Melayu yang sejati, bukan hanya pada nama tapi juga pada gelagatnya. Jati diri merupakan suatu perkara yang penting dalam diri manusia terutamanya anak muda pada alaf kemodenan ini yang semestinya mempunyai pelbagai gaya untuk terpengaruh dengan anasir luar yang dapat merundumkan prestasi terhadap pengamalan nilai murni dan nilai kemanusiaan dalam kehidupan. Terdapat pelbagai laman sosial seperti *Youtube, Facebook, Intagram,* dan *Tiktok* yang mampu merangsang minda anak muda untuk terpengaruh dengan perkara negatif, namun sekiranya jati diri anak muda itu utuh tambahan pula dengan kesedaran untuk memahai konteks didaktik yang terkandung dalam puisi semestinya dapat membendung banyak perkara negatif untuk dijadikan ikutan semasa.

Menurut Rais Yatim (2017), menyatakan orang Melayu pada masa ini telah hilang roh budaya Melayu dan perlahan-lahan hilang budaya kemelayuaan. Hal ini disebabkan anasir barat yang melalaikan dan dilihat dominan dengan keselarian arus perkembangan semasa menyebabkan masyarakat Melayu melupakan nilai budaya Melayu yang sebelum ini dipelihara indah pada zaman bahari. Secara amnya, budaya barat menghakis kesusasteraan Melayu sehingga menenggelamkan jiwa kemelayuan masyarakat Melayu. Pada masa ini, orang Melayu telah didapati pudar nilai kemelayuannya disebabkan pengaruh daripada barat sehingga nilai didaktik dalam kehidupan diketepikan. Hal ini tidaklah dikatakan terjadi kepada keseluruhan masyarakat Melayu namun sebilangan besar masyarakat Melayu sebenarnya sedang terkapai-kapai hanyut dalam dunia sendiri yang lalai sehingga tidak sedar bahawa mereka telah tergolong dalam kalangan orang-orang Melayu yang telah hilang roh Melayu dan perlahan-lahan hilang budaya kemelayuaan.

Aspek didaktik yang diteliti oleh pengkaji dalam kajian ini merupakan satu konten yang mengetengahkan nilai pengajaran daripada sifat kontradiksi melalui puisi yang dipilih daripada karya Usman Awang melalui teori semiotik. Pengkaji mengetengahkan kajian ini kerana mendapati terdapat permasalahan kajian iaitu masyarakat di Malaysia kurang berminat dengan kajian mengenai sastera yang menyebabkan mereka kurang penghayatan terhadap nilai kemanusiaan yang seutuhnya. Menurut Siti Fatimah Mohamed Anwar dalam Berita Harian atas talian (2019), Zurinah Hassan menyatakan karya sastera sememangnya daripada dahulu kurang mendapat sambutan daripada masyarakat berbanding naskhah yang popular. Dengan itu, pengkaji menghasilkan satu penyelidikan yang menarik untuk dipasarkan dalam bidang pendidikan di Malaysia supaya dapat memberikan kesedaran serta impak kepada golongan remaja dan masyarakat dalam aspek didaktik. Misalnya, pelajar-pelajar sekolah menengah tahap atas perlu didedahkan dengan penghasilan puisi bagi kesemua aliran pembelajaran terutamanya bagi pelajar-

pelajar jurusan sains sosial. Hal ini dikatakan demikian agar tiada lagi pengkelasan tahap pemikiran terhadap bidang sastera di peringkat sekolah kerana setiap pelajar iaitu golongan muda perlulah mencinta ilmu yang terkandung dalam sastera supaya dapat membentuk diri menjadi manusia yang setulen-tulennya dengan mamahami aspek didaktik melalui naskah-naskah yang terdapat dalam karya sastera. Sejauhmanapun kepandaian seseorang individu terhadap sains bukanlah tiket kepada mereka untuk mengabaikan ilmu mengenai sastera kerana ianya berkaitan ilmu kemanusiaan yang dapat membentuk diri dan jiwa yang baik dari masa ke masa.

Allahyarham Usman Awang merupakan seorang sasterawan negara yang termasyhur. Beliau telah banyak menghasilkan karya dalam bidang sastera. Ketokohan beliau merupakan satu inspirasi dan teladan kepada pengkaji. Pengkaji mengambil langkah untuk menghasilkan kajian ini untuk memartabatkan hasil karya puisi beliau. Hal ini disebabkan pengkaji mendapati terdapat permasalahan kajian iaitu generasi muda pada era globalisasi ini kurang menghargai hasil karya sasterawan negara misalnya Usman Awang. Menurut Malaysia Kini (2021), Maszlee Malik mengatakan bahawa perhatian yang seharusnya diberikan bukan hanya kepada inti kandungan sastera sahaja, tetapi juga kepada sasterawan yang merupakan ikon-ikon dalam pertahanan perjuangan dalam bidang sastera yang hanya dipandang enteng oleh generasi muda. Dengan ini pengkaji berusaha untuk mengangkat semula perihal dan identiti sasterawan negara iaitu Usman Awang melalui hasil karya iaitu puisi beliau yang bermauduk *Ke Makam Bonda* dan *Jiwa Hamba* dengan menghasilkan kajian ini kepada generasi muda dan masyarakat sejagat di Malaysia. Sasterawan negara seperti Usman Awang seharusnya dikenali dan dihargai kerana perjuangannya untuk memberikan kebaikan kepada masyarakat Melayu melalui ilmu kemanusiaan itu sebenarnya sangat tinggi komitmen yang telah dicurahkan untuk anak bangsa.

Secara keseluruhan penelitian yang dijalankan, kajian ini menunjukkan bahawa *Kontradiksi Aspek Didaktik dalam Puisi Terpilih Usman Awang: Kajian daripada Teori Semiotik* menjadi pilihan pengkaji untuk mendorong masyarakat Melayu khususnya untuk memahaminya supaya mampu menjawab segala persoalan dan pertanyaan daripada generasi pada masa ini. Hal ini sebenarnya merupakan satu permulaan kepada pengkaji dalam mewujudkan suatu permulaan dalam menjalankan satu penyelidikan berkaitan dengan tajuk kajian yang dijalankan dengan memperhalusi dan memperjelaskan pemboleh ubah yang berkaitan dengan hubungan masalah yang ingin dikaji.

Secara rumusannya, setiap satu persatu permasalahan kajian ini yang menjadi dorongan kepada penghasilan kajian ini supaya masyarakat secepat dapat memperolehi impak yang positif melalui perspektif kontradiksi aspek didaktik dalam puisi Usman Awang iaitu *Ke Makam Bonda* dan *Jiwa Hamba* yang dilandasi dengan penerapan teori semiotik daripada Charles Sander Peirce. Melalui perungkaian empat permasalahan kajian ini iaitu kelonglaian prinsip jati diri masyarakat Melayu, budaya Barat menghakis kesusasteraan Melayu sehingga menenggelamkan jiwa kemelayuan masyarakat Melayu, masyarakat di Malaysia kurang berminat dengan kajian mengenai sastera yang menyebabkan mereka kurang penghayatan terhadap nilai kemanusiaan, dan generasi muda pada globalisasi ini kurang menghargai karya sasterawan negara misalnya Usman Awang dapat memberikan input manfaat yang baik untuk mendorong golongan anak muda supaya menghargai dan menerapkan nilai kemanusiaan dalam diri sendiri untuk diri, agama, bangsa, dan negara.

#### 1.4 Persoalan Kajian

Pengkaji telah mengemukakan beberapa persoalan kajian yang dijalankan dalam kajian ini seperti:

- I. Apakah unsur kontradiksi berdasarkan aspek didaktik yang terdapat pada puisi *Ke Makam Bonda dan Jiwa Hamba*?
- II. Bagaimanakah bentuk pemikiran yang boleh didapati berdasarkan teori semiotik dalam puisi *Ke Makam Bonda dan Jiwa Hamba*?
- III. Sejauhmanakah kesan didaktik yang diperolehi daripada puisi Usman Awang dalam membentuk pola pemikiran masyarakat?

### 1.5 Objektif Kajian

Terdapat beberapa objektif kajian berdasarkan persoalan kajian yang telah dijalankan.

Antaranya adalah:

- I. Mengenalpasti unsur kontradiksi berdasarkan aspek didaktik yang terdapat pada puisi *Ke Makam Bonda* dan *Jiwa Hamba*.
- II. Menganalisis bentuk pemikiran yang boleh didapati berdasarkan teori semiotik dalam puisi *Ke Makam Bonda* dan *Jiwa Hamba*.
- III. Membincangkan kesan didaktik yang diperolehi daripada puisi Usman Awang dalam membentuk pola pemikiran masyarakat.

## 1.6 Skop dan Batasan Kajian

Pada kajian ini, pengkaji akan mengkaji kajian tentang *Kontradiksi Aspek Didaktik Dalam Puisi Terpilih Usman Awang: Kajian Daripada Teori Semiotik*. Pemilihan puisi moden ini sebagai kajian diasaskan kepada beberapa pertimbangan pengkaji. Skop kajian tertumpu kepada perpustakaan untuk mendapatkan bahan-bahan dan informasi yang relevan untuk dibaca, dikaji, dianalisis, dan juga untuk dimanfaatkan. Selain itu, kajian ini juga menerapkan kaedah soal selidik yang diedarkan kepada pelajar sastera warisan kohort C18 seramai 15 belas orang daripada Universiti Malaysia Kelantan (UMK) melalui atas talian. Kajian ini menggunakan pendekatan simbol dalam teori semiotik daripada Charles Sander Pierce. Pendekatan simbol merupakan suatu tanda yang menampilkan hubungkait yang alamiah di antara petanda serta petandanya. Data yang digunakan dalam kajian ini adalah menggunakan maklumat daripada dua puisi yang diperolehi daripada kumpulan puisi karya terpilih Usman Awang yang bertajuk *Jiwa Hamba (1948)* dan *Ke Makam Bonda (1956)*.

## 1.7 Kepentingan Kajian

Pengkaji melaksanakan kajian yang berteraskan *Kontradiksi Aspek Didaktik dalam Puisi Terpilih Usman Awang: Kajian daripada Teori Semiotik*. Antara kepentingan dalam mengkaji kajian ini adalah pengkaji ingin mengembangkan kajian ini sebagai satu kajian yang dapat menjadi rujukan kepada pengkaji akan datang mengenai teori semiotik terhadap kritikan puisi yang memberikan pengajaran kepada setiap individu, masyarakat, institusi, dan negara.

### 1.7.1 Individu

Kajian ini dijalankan oleh pengkaji kerana melihat kepentingan untuk pengkaji-pengkaji yang lain secara individu terutamanya kepada pengkaji yang akan datang. Hal ini disebabkan, kajian ini kurang diteliti oleh masyarakat sejagat. Jika kajian ini dibiarkan secara berterusan tanpa ada sokongan pengkaji yang lain, maka ianya akan menyebabkan kajian ini kurang dipantau dari masa ke masa dan menyebabkan masyarakat kurang minat terhadapnya dan maklumat mengenai kajian ini terutamanya dalam kalangan pengkaji yang masih bergelar pelajar.

### 1.7.2 Masyarakat

Pengkaji menghasilkan kajian ini untuk mendedahkan kepada masyarakat sejagat tentang penulisan puisi sasterawan negara iaitu Usman Awang yang mempunyai nilai murni dalam kehidupan yang tinggi untuk dijadikan sebagai panduan. Dengan itu, pembaca akan tertarik dengan hasil karya Usman Awang yang akan mempengaruhi pembaca untuk mengenali tentang latar belakang dan hasil karya beliau. Secara tidak langsung, pengkaji dapat memartabatkan hasil karya Usman Awang untuk dikenali oleh masyarakat sejagat.



### **1.7.3 Institusi**

Kepentingan kepada institusi dalam kajian ini dilihat dapat memberikan kelebihan kepada bidang pendidikan di Malaysia untuk menarik minat masyarakat dalam kalangan remaja supaya meminati karya sastera yang jelas akan memberikan kesedaran dan impak yang baik kepada mereka. Hal ini dilaksanakan kerana pengkaji ingin memberi kefahaman kepada golongan remaja untuk mengamati teori semiotik terhadap aspek pengajaran untuk kehidupan.

### **1.7.4 Negara**

Kajian ini dijalankan untuk menyebarkan kepentingan kepada masyarakat di luar sana agar mengetahui tentang kewujudan kajian yang dijalankan ini. Pihak yang berwajib haruslah sentiasa meningkatkan jalur komuniti untuk menambahkan nilai pembacaan kepada masyarakat agar mereka lebih mengetahui akan kepelbagaian kajian yang telah dijalankan oleh pengkaji-pengkaji yang wujud di Malaysia. Hal ini demikian termasuklah juga dengan kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji untuk mendedahkan maklumat dan data yang akan dilaksanakan untuk membantu masyarakat dan negara untuk mengecapi pembangunan daripada aspek ilmuan warisan bahasa.

## 1.8 Definisi Operasional

Definisi operasional merupakan pengertian yang jelas dan mendalam bagi istilah yang terdapat dalam kajian ini. Ianya memberikan peneranga khusus bagi istilah penting yang terdapat dalam kajian. Menurut Karim (2021), Singarimbun menyatakan pengertian operasional adalah sebagai suatu unsur penelitian yang merupakan petunjuk tentang bagaimana suatu variabel diukur dalam rangka memudahkan pelaksanaan penelitian di lapangan, sehingga memerlukan operasionalisasi dari masing-masing konsep yang digunakan dalam menggambarkan perilaku atau gejala yang dapat diamati dengan kata-kata yang dapat diuji dan diketahui kebenarannya. Perkara ini sangat jelas untuk menjadi kunci kepada kemenjadian dan keberhasilan dalam sesuatu penelitian. Menurut Karim (2021), Sugiyono menyatakan pengertian definisi operasional dalam variabel penelitian adalah suatu atribut atau sifat nilai dari objek atau kegiatan yang memberi varisasi tertentu yang telah ditetapkan oleh peneliti untk dipelajari dan kemudian ditarik kesimpulannya. Hal ini dikatakan demikian kerana dalam sesuatu kajian semestinya terdapat beberapa istilah penting atau dalam kata lain adalah tunjang utama kepada kajian yang memerlukan keterangan yang jelas dan mapan. Daripada dua pandangan sarjana ini memberikan satu keutuhan kepada penerapan definisi operasional yang sebenarnya menjadi satu ukuran kepada konsep dan variabel penelitian dalam sesuatu kajian.

Menurut penelitian terhadap kajian ini iaitu *Kontradiksi Aspek Didaktik Dalam Puisi Terpilih Usman Awang: Kajian Daripada Teori Semiotik* terdapat dua istilah yang memerlukan penerangan yang jelas terhadap definisi operasional iaitu 'puisi' dan 'didaktik'. Puisi terbahagi kepada puisi tradisional dan puisi moden. Puisi tradisional terbahagi kepada empat iaitu pantun, seloka, gurindam, dan syair, manakala puisi moden iaitu sajak. Jenis-jenis puisi ini mempunyai sistemnya yang tersendiri dan semestinya berlainan antara satu sama lain namun ianya tetap membawa matlamat yang sama. Dalam kajian ini puisi

moden merupakan tunjang utama iaitu berdasarkan dua puisi daripada Usman Awang yang bertajuk *Ke Makam Bonda* dan *Jiwa Hamba*. Puisi moden merupakan penulisan yang berunsurkan pemikiran yang terarah kepada kemodenan daripada aspek idea, sikap, ideologi atau falsafah. Puisi moden memerlukan daya fikir dengan penggunaan bahasa yang mapan dalam menyampaikan mesej supaya mampu memberikan makna yang tersurat dan tersirat. Kehalusan bahasa dalam penyampaian puisi moden sebenarnya dapat menjadi jentikan kepada hati manusiawi yang membaca dan memahami intipatinya secara telus dan tulus.

Didaktik pula mengenai penyampaian tema moral atau kebenaran terhadap sesuatu perkara kepada pembaca. Hal ini bermaksud peranan didaktik kepada masyarakat adalah melalui teks yang berketerampilan kearah untuk mendidik, menyampaikan maklumat sesuatu pemberitaan, atau menyampaikan mesej yang berkecenderungan kearah nasihat. Secara amnya, ilmu terhadap didaktik merupakan jiwa kepada manusia yang mencari makanan rohani untuk membentuk peribadi yang mulia dengan tindakan yang berada pada landasan yang benar. Menurut Hamalik (2001), maksud didaktik merupakan satu ilmu yang berdiri atau memiliki disiplin sendiri. Penelitian terhadap konsep didaktik sebenarnya memberikan keutuhan dalam sesuatu ilmu yang berkaitan moral dalam membentuk jati diri seseorang. Ianya mempunyai disiplin tersendiri dimana tidak dapat diganggu gugat daripada aspek ketelusan dalam memberikan sesuatu ilmu dan penilaian terhadap sesuatu perkara untuk diteladani dan disempadani oleh masyarakat sejagat. Maka, kajian mengenai didaktik dapat memberikan nafas baharu kepada golongan muda-mudi dalam melestarikan ilmu didaktik dalam kehidupan seharian.

## 1.9 Organisasi Bab

Pada bahagian bab 1 dalam penulisan ini membincangkan mengenai takrifan dan latar belakang mengenai aspek didaktik, puisi terpilih iaitu *Ke Makam Bonda* dan *Jiwa Hamba*, Usman Awang, dan teori semiotik. Selain itu, objektif dan persoalan, skop dan batasan kajian, kepentingan kajian, definisi operasional, dan organisasi bab juga didedahkan dalam bab 1.

Selanjutnya, pada bahagian bab 2 penulisan ini akan membincangkan berkaitan dengan kajian literatur yang berkaitan dengan aspek didaktik, analisis puisi Usman Awang, dan teori semiotik.

Disamping itu, pada bahagian bab 3 akan membincangkan mengenai kaedah kajian yang digunakan dalam kajian ini. Kaedah kajian yang digunakan adalah kaedah kualitatif.

Seterusnya, pada bahagian bab 4 akan membincangkan mengenai dapatan analisis yang berjaya diperolehi daripada objektif-objektif kajian yang dijalankan berdasarkan metodologi yang diterapkan dalam kajian ini.

Akhir sekali, pada bab 5 akan membincangkan mengenai kesimpulan yang diperolehi berdasarkan kesemua bab dari bab 1 sehingga bab 4. Pengkaji akan membincangkan dapatan kajian dan cadangan kepada pengkaji akan datang.

### 1.10 Rumusan

Secara kesimpulannya, kajian ini dilaksanakan bagi menunjukkan kontradiksi aspek didaktik dalam puisi yang dipilih daripada Usman Awang bagi memberikan satu gambaran bahawa penulisan puisi ini dapat memberikan pengajaran kepada kehidupan manusia sejagat. Puisi yang dipilih adalah *Ke Makam Bonda* dan *Jiwa Hamba*. Puisi-puisi ini mempunyai kontradiksi daripada aspek didaktik yang dicetuskan oleh Usman Awang. Kajian ini dihasilkan daripada teori semiotik untuk menganalisis perkaitan serta makna pada simbol, teks dan penulis, serta teks dan pembaca.

Dengan terhasilnya kajian ini, sebenarnya memberikan satu daya tarikan kepada generasi muda, para pengkaji, dan masyarakat sejagat untuk lebih mendalami ilmu teori semiotik. Perkara ini merupakan bidang ilmu untuk memahami simbol perlambangan dimana penggunaan bahasa yang dapat memberikan makna tersirat melalui simbol. Oleh itu, kefahaman mengenai teori semiotik dapat membentuk kemahiran berfikir aras tinggi dan jiwa yang lebih berwawasan daripada aspek didaktik untuk masyarakat terus maju dalam kehidupan.

## BAB 2

### SOROTAN KAJIAN LEPAS

#### 2.1 Pengenalan

Kajian ini membincangkan mengenai *Kontradiksi Aspek Didaktik dalam Puisi Terpilih Usman Awang: Kajian daripada Teori Semiotik*. Secara dasarnya, kajian ini dibangkitkan pengkaji untuk memberi nafas baharu kepada puisi Melayu moden di Malaysia. Kajian ini memperlihatkan penggunaan aspek didaktik untuk menggapai matlamat utama kajian seperti yang dinyatakan pada bahagian objektif kajian. Secara dasarnya, didaktik membawa erti mendidik atau mengajar, manakala didaktisisme pula merupakan unsur pengajaran yang terkandung dalam sesebuah karya yang jelas mendedahkan mengenai pendidikan seperti unsur agama, aspek moral, dan etika. Oleh itu, didaktik merupakan salah satu perkara utama yang dikhususkan dalam kajian ini.

Dalam konteks puisi pula, pemahaman puisi sebenarnya menerapkan nilai bahasa yang indah dan dipadatkan dari segi penggunaan frasa kata. Menurut Waluyo (2002), menerangkan mengenai karya sastera puisi yang menggunakan bahasa dipadatkan, dipersingkatkan, pemilihan imajinatif iaitu kata-kata kias, dan diberi rima dengan bunyi yang dapat menggambarkan keserasian setiap baris yang berbentuk bebas. Perkara ini merupakan kaedah untuk meningkatkan nilai puisi yang dapat memberi pemahaman kepada audien dengan penggunaan ayat ringkas dan padat tetapi memiliki maksud tersirat yang mendalam.

Penelitian semiotik merupakan teori yang ditetapkan dalam kajian ini untuk menilai perlambangan yang diterapkan dalam puisi terpilih Usman Awang dalam menyampaikan hujahan aspek didaktik kepada masyarakat. Secara amnya, teori semiotik merupakan

suatu kajian yang menilai unsur perlambangan. Penyampaian informasi dalam puisi disampaikan dengan alur proses yang mencangkupi ruang lingkup bahasa secara keseluruhan berdasarkan tema yang ingin diceritakan. Hal ini disebabkan, kebiasaannya manusia sering menggunakan dan menghasilkan perlambangan dalam kehidupan seharian. Pemahaman yang dapat dirumuskan daripada teori semiotik adalah bertautan dengan perlambangan iaitu makna dan interpretasinya.

Sorotan kajian lepas merupakan bahagian yang membincangkan mengenai kajian yang pernah dilakukan oleh para sarjana terdahulu berdasarkan tajuk kajian ini iaitu *Kontradiksi Aspek Didaktik dalam Puisi Terpilih Usman Awang: Kajian daripada Teori Semiotik*. Secara dasarnya, kajian literatur merupakan analisis yang dilakukan secara sistematik daripada artikel ilmiah dan sumber buku yang terarah dengan skop utama kajian ini. Kajian literatur mendedahkan mengenai pengenalpastian dan penilaian kritikan yang telah sedia ada merujuk daripada sarjana terdahulu.

## 2.2 Tinjauan Literatur Berkaitan Aspek Didaktik

Daripada Ayu Nor Azilah dan Rohaini Amin (2016) dalam *“Didaktik Dan Ketatanegaraan Dalam Hikayat Isma Yatim”*. Kajian ini menganalisis sebuah manuskrip Melayu iaitu Hikayat Isma Yatim. Pemilihan ini berdasarkan beberapa keistimewaan teks tersebut antaranya ialah isi ceritanya lebih panjang kerana beberapa peristiwa. Perbincangan artikel ini berfokuskan kepada isi kandungan teks tersebut khususnya berkaitan dengan unsur didaktik dan ketatanegaraan. Persoalan yang terdapat dalam hikayat ini dikatakan dikarang untuk golongan istana sahaja dan pendekatan yang dibawa oleh Isma Yatim yang merupakan rakyat biasa namun mampu menjadi orang yang penting dalam pentadbiran negara. Melalui perspektif sintesis terdapat kekuatan dan kelemahan kajian literatur daripada Ayu Nor Azilah dan Rohaini Amin (2016) iaitu *“Didaktik Dan Ketatanegaraan Dalam Hikayat Isma Yatim”* berbanding dengan kajian yang dihasilkan oleh pengkaji iaitu *Kontradiksi Aspek Didaktik Dalam Puisi Terpilih Usman Awang: Kajian Daripada Teori Semiotik*. Kekuatan yang terdapat dalam penulisan terhadap kajian literatur ini adalah ia berasaskan kotak pemikiran yang lebih luas dimana memberi fokus yang lebih besar iaitu didaktik dan ketatanegaraan berbanding kajian pengkaji yang hanya menelusuri ruang lingkup dalam teks puisi Usman Awang iaitu *Ke Makam Bonda* dan *Jiwa Hamba* sahaja. Manakala kelemahan kajian literatur ini adalah tidak dapat menjentik hati anak muda yang masih setahun jagung untuk mengamati terhadap penelitian kandungannya berbanding kajian pengkaji yang dapat memberikan kesedaran kepada generasi pada pada ini tanpa had umur kerana nilai didaktik yang terdapat dalam kajian pengkaji yang lebih bersifat hermeneutik ke arah pembangunan nilai insaniah kepada diri sendiri.

Daripada Akhsin Ridho (2019) dalam *“Pesan Moral terhadap puisi ‘Padamu Jua’ Karya Amir Hamzah”*. Kajian ini meneliti pendekatan hermeneutika. Penelitian ini dilihat daripada bahagian metode dalam menganalisis setiap perenggan puisi, iaitu dengan



memerhati dan pemahaman yang mendalam terhadap sejarah penulisnya. Hasil kajian yang didapati adalah pergolakan batin antara tradisi dan prinsip hidup. Maksud terhadap puisi ini boleh dijadikan pengajaran atau dalam makna kata lain adalah nasihat kepada masyarakat sejagat. Terutamanya, bagi mereka yang melalui fasa dalam dunia pendidikan supaya selalu berwasapada dan tidak keliru dalam mengambil keputusan. Dalam puisi ini terdapat persoalan terhadap hati yang akan menyebabkan berlakunya penderitaan jiwa disebabkan terpaksa menanggung kerinduan yang berat. Melalui perspektif sintesis terdapat kekuatan dan kelemahan kajian literatur daripada Akhsin Ridho (2019) dalam “*Pesan Moral terhadap puisi ‘Padamu Jua’ Karya Amir Hamzah*” berbanding dengan kajian yang dihasilkan oleh pengkaji iaitu *Kontradiksi Aspek Didaktik Dalam Puisi Terpilih Usman Awang: Kajian Daripada Teori Semiotik*. Kekuatan yang terdapat dalam kajian literatur ini berbanding kajian pengkaji adalah menekankan mengenai pergolakan batin antara tradisi dan prinsip hidup yang sememangnya memerlukan daya pemikiran yang lebih kritis berbanding dengan kajian yang pengkaji hasilkan. Manakala kelemahan yang terkandung dalam kajian literatur ini berbanding kajian yang dihasilkan pengkaji adalah dengan tiadanya penerapan penggunaan teori yang bersesuaian sebaliknya kajian yang pengkaji lakukan berlandaskan teori semiotik yang memerlukan pemahaman yang jitu terhadap ilmu teori semiotik tersebut.

Daripada Mohd Hanafi Bin Jumrah dan Zulfazlan Bin Jumrah (2021) dalam “*Upin & Ipin Keris Siamang Tunggal: Agen Didaktik Pada Layar Budaya*”. Platform filem bukanlah hanya wadah penyampaian hiburan namun juga mempunyai segenap perhatian daripada aspek didaktik kepada masyarakat. Intipati kepada kajian ini adalah bergerak sejalan terhadap usaha untuk mengkaji filem animasi Upin & Ipin: Keris Siamang Tunggal (2019) dan meneliti sejauhmanakah fungsi filem animasi ini boleh menggalas peranan sebagai agen penyebaran aspek didaktik dalam lingkungan kerangka budaya dan masyarakat.

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif. Kaedah ini diterapkan dalam kajian ini dengan menggunakan analisis tekstual dalam mengkaji bingkai filem ini. Secara keseluruhannya, hasil dapatan terhadap kajian ini jelaslah mengetengahkan karya yang penuh dengan nilai didaktik dan kebudayaan untuk masyarakat sejagat. Melalui perspektif sintesis terdapat kekuatan dan kelemahan kajian literatur daripada Mohd Hanafi Bin Jumrah dan Zulfazlan Bin Jumrah (2021) dalam "*Upin & Ipin Keris Siamang Tunggal: Agen Didaktik Pada Layar Budaya*" berbanding dengan kajian yang dihasilkan oleh pengkaji iaitu *Kontradiksi Aspek Didaktik Dalam Puisi Terpilih Usman Awang: Kajian Daripada Teori Semiotik*. Kekuatan yang terdapat pada kajian literatur ini adalah dengan mengkritik elemen didaktik yang ada dalam layar perfileman Upin dan Ipin yang jelas akan lebih mudah menarik pemerhatian khalayak untuk membacanya berbanding dengan kajian pengkaji yang berlandaskan teks puisi yang mungkin kurang memberi ketertarikan kepada masyarakat sejagat untuk membacanya. Manakala kelemahan yang terdapat dalam kajian literatur ini adalah tidak mempunyai bentuk pemikiran yang kreatif dengan gaya penyampaian bahasa berbanding kajian pengkaji yang mengkaji mengenai perlambangan simbol yang terdapat dalam setiap bait-bait rangkap puisi *Ke Makam Bonda dan Jiwa Hamba* daripada Usman Awang.

Daripada Md Sabri dan Siti Norsyahira (2022) dalam "*Unsur Didaktik Dalam Teks Seuntai Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan: Satu Penelitian Pendekatan Moral*". Kajian ini berunsurkan cerita rakyat Melayu yang dijadikan sebagai medium moral, pengajaran, bahan hiburan dan pendidikan dalam kelompok masyarakat. Matlamat utama kajian ini untuk mengenalpasti dan menganalisis unsur didaktik dalam teks Seuntai Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan sebagai satu pendekatan moral. Kaedah kualitatif yang merangkumi kaedah kepustakaan dan teks digunakan terhadap 24 cerita rakyat Melayu yang terdapat dalam teks ini. Unsur didaktik yang terkandung dalam teks Seuntai Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan

Datu, Kelantan telah berjaya mengangkat nilai moral dalam kalangan masyarakat. Melalui perspektif sintesis terdapat kekuatan dan kelemahan kajian literatur daripada Md Sabri dan Siti Norsyahira (2022) dalam *“Unsur Didaktik Dalam Teks Seuntai Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan: Satu Penelitian Pendekatan Moral”* berbanding dengan kajian yang dihasilkan oleh pengkaji iaitu *Kontradiksi Aspek Didaktik Dalam Puisi Terpilih Usman Awang: Kajian Daripada Teori Semiotik*. Kekuatan yang terdapat dalam kajian literatur ini berbanding kajian yang dihasilkan pengkaji adalah ianya berteraskan penggalan cerita rakyat yang terdapat Kelantan yang nilainya tinggi kepada masyarakat sejagat terutamanya bagi golongan yang ingin mengetahui mengenai cerita rakyat di Kelantan. Manakala kelemahan yang terdapat dalam kajian literatur berbanding kajian pengkaji adalah tidak menyentuh mengenai tokoh-tokoh yang hebat dalam dunia sastera sebaliknya kajian yang dihasilkan oleh pengkaji menyentuh mengenai sasterawan negara iaitu Usman Awang dalam usaha untuk mengangkat nilai yang adalah dalam karyanya.

### 2.3 Tinjauan Literatur Berkaitan Analisis Puisi Usman Awang

Daripada Abdul Halim Ali dan Ahmad Zainuri Loap Ahmad (2010) dalam tajuk kajian "*Warna Hitam Dalam Sajak Usman Awang Dan Mila Karlo: Satu Analisis Semiotik Charles Sander Peirce*". Kajian menumpukan tentang pemilihan tanda yang dipilih oleh seseorang pengarang atau penyair dalam menyampaikan maksud yang tertentu pada sesuatu yang telah ditandakan. Kajian ini menyampaikan bahawa pemilihan tanda untuk menyampaikan sesuatu maksud dari segi karya sastera atau dalam perbicaraan seharian yang telah menjadikan satu aspek tanda sebagai satu keperluan yang penting untuk memahami maksud tersebut. Objektif kajian adalah untuk menganalisis dan memahami maksud yang terdapat dalam penggunaan warna hitam dalam sajak 'Salji Hitam' serta sajak 'Black Butterflies' yang berasaskan idea semiotik daripada Charles Sandar Peirce. Dalam bahagian kaedah kajian, kaedah kualitatif iaitu kaedah menganalisis teks telah digunakan bagi mendapatkan analisis yang tepat dan padat. Kesimpulannya, kajian ini telah membuktikan bahawa penyair dalam karya sastera telah menemui kewujudan tanda dalam membentuk lambang makna yang telah diberikan secara sewenangnyanya. Melalui perspektif sintesis terdapat kekuatan dan kelemahan kajian literatur daripada Abdul Halim Ali dan Ahmad Zainuri Loap Ahmad (2010) dalam tajuk kajian "*Warna Hitam Dalam Sajak Usman Awang Dan Mila Karlo: Satu Analisis Semiotik Charles Sander Peirce*" berbanding dengan kajian yang dihasilkan oleh pengkaji iaitu *Kontradiksi Aspek Didaktik Dalam Puisi Terpilih Usman Awang: Kajian Daripada Teori Semiotik*. Kekuatan yang terdapat dalam kajian literatur ini berbanding penelitian terhadap kajian pengkaji adalah memfokuskan kepada dua tokoh dalam sastera iaitu Usman Awang dan Mila Karlo manakala kajian pengkaji hanya memfokuskan kepada satu tokoh sahaja iaitu Usman Awang. Manakala kelemahan yang terdapat dalam kajian literatur ini adalah tidak mempelbagaikan jenis tanda atau simbol yang ingin dirungkai iaitu 'warna hitam' dalam sajak Usman Awang dan Mila Karlo

manakala kajian pengkaji yang lebih luas kepada perungkaian simbol melalui nilai intrinsik dan ekstrinsik dalam puisi Usman Awang iaitu *Ke Makam Bonda* dan *Jiwa Hamba*.

Selain itu, daripada Nur Amirah Che Soh dan Rohaidah Kamaruddin (2016) dalam jurnal "*Makna Dalam Puisi Terpilih Usman Awang*" yang telah mengkaji makna yang merangkumi kesemua maksud yang ingin disampaikan oleh penulis dari segi menghubungkan situasi atau zaman sesuatu karya tersebut yang dihasilkan. Pengkaji mengatakan bahawa semantik adalah merupakan bidang kajian bahasa yang mengkaji makna dalam pelbagai penggunaan medium bahasa. Penghuraian makna bukan hanya terbatas pada bentuk leksikal tetapi konteks makna, maka puisi Usman Awang sebenarnya bukan sahaja mendukung makna dasar tetapi wujud makna sebaliknya yang cuba disampaikan oleh beliau secara halus. Kajian ini akan memanfaatkan empat buah puisi Usman Awang iaitu *Anjing Itu*, *Ayah Belum Pulang*, *Keranda 152* dan *Pak Utih*. Kesimpulannya, makna bukan sahaja dibincangkan daripada sudut leksikal sahaja tetapi memperlihatkan keperibadian penulis tersebut dan zaman yang mempengaruhi penulisannya pada ketika itu. Secara asasnya, dapat dirumuskan sesuatu perkataan memperoleh makna melalui keperihalan keadaan dan konteks situasi yang wujud semasa perkataan itu digunakan. Selain itu, keupayaan penggunaan kata dalam puisi Usman Awang memperlihatkan makna sesuatu perkataan itu adalah luas dan tidak khusus. Melalui perspektif sintesis terdapat kekuatan dan kelemahan kajian literatur daripada Nur Amirah Che Soh dan Rohaidah Kamaruddin (2016) dalam jurnal "*Makna Dalam Puisi Terpilih Usman Awang*" berbanding dengan kajian yang dihasilkan oleh pengkaji iaitu *Kontradiksi Aspek Didaktik Dalam Puisi Terpilih Usman Awang: Kajian Daripada Teori Semiotik*. Kekuatan kajian literatur ini berbanding penelitian kajian pengkaji adalah memiliki lebih banyak teks daripada Usman Awang iaitu empat teks '*Anjing Itu*, *Ayah Belum Pulang*, *Keranda 152* dan *Pak Utih*' manakala kajian yang dihasilkan oleh pengkaji hanya memiliki

penelusuran terhadap dua teks puisi Usman Awang sahaja iaitu '*Ke Makam Bonda Dan Jiwa Hamba*'. Manakala kelemahan yang terdapat dalam kajian literatur ini berbanding kajian yang dihasilkan oleh pengkaji adalah terdapat dua orang peneliti dalam kajian ini iaitu Nur Amirah Che Soh dan Rohaidah Kamaruddin manakala dalam penghasilan penulisan pengkaji ini hanya melibatkan seorang penulis sahaja.

Di samping itu, daripada Mohamad Shaidan dan Shaiful Bahri Md. Radzi (2020) dalam "*Tradisional, Penyimpangan dan Puisi Sukar Dalam Puisi Melayu Moden*". Kajian ini membincangkan tentang fenomena yang berlaku dalam sejarah puisi Melayu moden daripada awal tahun 1930 sehingga tahun 1970. Pengkaji terdahulu menganggap bahawa pengaruh dan kesinambungan daripada puisi tradisional adalah wajar kerana puisi moden tidak wujud dengan kekosongan budaya. Namun begitu, sejak kewujudannya pada awal tahun 1930 sehingga tahun 1970, puisi moden sentiasa memperlihatkan persamaan dengan teknik penciptaan pantun dan syair. Puisi-puisi ini yang mampu meningkatkan kepuisian Melayu telah menjulang dengan kelahiran tokoh-tokoh penyairnya dalam setiap dekad. Penyair dan pembacanya dapat dianggap tradisional kerana dengan teknik yang statistik, penyairnya pada setiap dekad dapat mengungkapkan peristiwa yang berlaku pada dekad kehadirannya. Melalui perspektif sintesis terdapat kekuatan dan kelemahan kajian literatur daripada Mohamad Shaidan dan Shaiful Bahri Md. Radzi (2020) dalam "*Tradisional, Penyimpangan dan Puisi Sukar Dalam Puisi Melayu Moden*" berbanding dengan kajian yang dihasilkan oleh pengkaji iaitu *Kontradiksi Aspek Didaktik Dalam Puisi Terpilih Usman Awang: Kajian Daripada Teori Semiotik*. Kekuatan yang terkandung dalam kajian literatur berbanding penelitian terhadap kajian pengkaji adalah ianya membincangkan dan bergerak dengan arus kontemporari dalam sastera iaitu mengenai tentang fenomena yang berlaku dalam sejarah puisi Melayu moden daripada awal tahun 1930 sehingga tahun 1970 manakala kajian pengkaji hanya membataskan mengenai teori

semiotik serta puisi Usman Awang yang berjudul *Ke Makam Bonda* dan *Jiwa Hamba*. Manakala kelemahan yang terdapat dalam kajian literatur berbanding kajian yang dilaksanakan oleh pengkaji adalah hanya memberikan pengetahuan asas dalam konteks sejarah puisi tradisional dan puisi moden tetapi kajian yang dilaksanakan oleh pengkaji dapat memberi impak positif kepada peribadi pembaca yang memahami konteks didaktik dalam kajian tersebut.

Kajian daripada Muharam Awang dan Shaiful Bahri Md. Rodzi (2020) dalam "*Indah Lagi Mengasyikkan: Gaya Bahasa Pertautan Usman Awang Dalam Puisinya*". Kajian ini membincangkan tentang cara kepenyairan Usman Awang. Pembicaraan ini mengisahkan terhadap keindahan gaya bahasa pertautan dalam puisi yang telah disampaikan dengan begitu baiknya sehingga berjaya menjadikannya sebagai salah seorang tokoh penyair dalam dunia kepenyairan tanah air. Data kajian ini melibatkan sajak-sajak ciptaan oleh Usman Awang iaitu *Gelombang* (1960); *Duri dan Api* (1967); *Kaki Langit* (1971); *Salam Benua* (1987) dan puisi-puisi pilihan Sasterawan Negara Usman Awang (1987). Model Gaya Bahasa Hendry Guntur Tarigan telah digunakan bagi menganalisis kajian ini untuk pengaplikasian dalam mengenalpasti gaya bahasa pertautan. Kesimpulannya, kajian ini jelas menunjukkan bahawa Usman Awang dapat menyampaikan tema kemanusiaan secara berkesan ketika merakamkan peristiwa sejarah penting tanah air serta yang menyentuh isu-isu antarabangsa dan sejangat. Melalui perspektif sintesis terdapat kekuatan dan kelemahan kajian literatur daripada Muharam Awang dan Shaiful Bahri Md. Rodzi (2020) dalam "*Indah Lagi Mengasyikkan: Gaya Bahasa Pertautan Usman Awang Dalam Puisinya*" berbanding dengan kajian yang dihasilkan oleh pengkaji iaitu *Kontradiksi Aspek Didaktik Dalam Puisi Terpilih Usman Awang: Kajian Daripada Teori Semiotik*. Kekuatan yang terdapat dalam kajian literatur ini berbanding kajian yang dihasilkan oleh pengkaji adalah menggunakan gaya bahasa pertautan daripada Hendry Gundur Tarigan yang

secara amnya lebih sukar untuk dikupas dan memiliki kekuatan yang tersendiri berbanding kajian yang dilaksanakan pengkaji mengenai teori semiotik. Manakala kelemahan yang terdapat dalam kajian literatur berbanding kajian yang dihasilkan oleh pengkaji adalah tidak memiliki perungkaian mengenai elemen persamaan dan perbezaan dalam kandungan teks yang dikaji manakala kajian yang dihasilkan oleh pengkaji telah ditetapkan melalui aspek kontradiksi dalam didaktik terhadap puisi Usman Awang iaitu *Ke Makam Bonda* dan *Jiwa Hamba*.

Seterusnya, daripada Mohd Faradi Bin Mohamed Ghazali dan Nordiana Ab. Jabar (2021) dalam kajian yang bertajuk "*Gaya Bahasa Dalam Kepengarangan Puisi: Kajian Perbandingan Stilistik Penerima S.E.A Write Award Malaysia (Usman Awang) Dan Indonesia (Afrizal Malna)*". Kajian ini diteliti berdasarkan teknik penulisan dalam sesebuah karya sastera. Untuk merungkai persoalan tentang proses penulisan sajak dalam aspek teknik gaya bahasa yang disampaikan oleh penyair, penyelidik membuat dua pemilihan tokoh sastera Nusantara iaitu Usman Awang dan Afrizal Malna. Skop kajian ini adalah melihat identiti gaya bahasa yang diguna-pakai oleh mereka ketika proses pengkaryaan dijalankan. Proses metodologi kajian ini dijalankan secara kualitatif dengan menganalisis dokumen teks. Teori stilistik telah dijadikan sebagai sandaran untuk merungkaikan setiap teknik gaya bahasa, unsur bahasa kiasan dan simbolisme bagi membuktikan falsafah gaya penyampaian daripada seseorang pengkarya. Kesimpulannya, kedua-dua tokoh tersebut mempunyai cara yang tersendiri dalam penyampaian karya. Melalui perspektif sintesis terdapat kekuatan dan kelemahan kajian literatur daripada Mohd Faradi Bin Mohamed Ghazali dan Nordiana Ab. Jabar (2021) dalam kajian yang bertajuk "*Gaya Bahasa Dalam Kepengarangan Puisi: Kajian Perbandingan Stilistik Penerima S.E.A Write Award Malaysia (Usman Awang) Dan Indonesia (Afrizal Malna)*" berbanding dengan kajian yang dihasilkan oleh pengkaji iaitu *Kontradiksi Aspek Didaktik Dalam Puisi Terpilih Usman Awang: Kajian*



*Daripada Teori Semiotik.* Kekuatan yang terdapat dalam kajian literatur berbanding kajian yang dihasilkan oleh pengkaji adalah penelitinya telah meneliti hasil karya dua tokoh daripada negara yang berbeza iaitu Usman Awang daripada Malaysia dan Afrizal Malna daripada Indonesia manakala kajian yang dihasilkan oleh pengkaji hanya meneliti satu tokoh sahaja iaitu usman Awang daripada Malaysia. Manakala kelemahan yang terdapat dalam kajian literatur berbanding kajian yang dihasilkan oleh pengkaji adalah tersasar kepada perbandingan stilistik yang dilakukan terhadap kajian tersebut yang dapat memperlihatkan kelemahan antara dua tokoh sastera iaitu Usman Awang dan Afrizal Malna, sebaliknya kajian yang dihasilkan pengkaji memeberikan pendedahan kepada kekuatan dan kemapanan seseorang tokoh iaitu Usman Awang dalam penghasilan karya puisi melalui aspek didaktik untuk menjadi tauladan kepada masyarakat sejagat.

## 2.4 Tinjauan Literatur Berkaitan Teori Semiotik

Daripada Imam Budi Utomo (2007) dalam tajuk artikel kajian "*Pemahaman Semiotika Sajak Doa Karya Chairil Anwar*". Kajian ini meneliti akan salah satu sajak Chairil Anwar dengan didasari perspektif semiotik yang dikembangkan oleh Riffaterre. Sajak *Doa* yang diterbitkan pada tahun 1943 dipilih kerana sajak tersebut mengisahkan tentang hubungan seseorang insan dengan Tuhannya yang begitu bertentangan dengan keperibadian kehidupan Chairil sebagai seorang "Ahasveros", individualistik dan eksistensialis yang membawa maksud kepada individu yang menentukan sendiri matlamat kehidupan tanpa mengetahui perkara yang baik dan tidak baik. Kesimpulannya, ianya menjelaskan bahawa 'si aku' sentiasa berusaha untuk mencari kebenaran sejati dengan cara dan jalan yang berliku, sebelum akhirnya ianya mengungkapkan "aku tidak boleh berpaling". Melalui perspektif sintesis terdapat kekuatan dan kelemahan kajian literatur daripada Imam Budi Utomo (2007) dalam tajuk artikel kajian "*Pemahaman Semiotika Sajak Doa Karya Chairil Anwar*" berbanding dengan kajian yang dihasilkan oleh pengkaji iaitu *Kontradiksi Aspek Didaktik Dalam Puisi Terpilih Usman Awang: Kajian Daripada Teori Semiotik*. Kekuatan yang terdapat dalam kajian literatur ini berbanding kajian yang dihasilkan oleh pengkaji adalah ianya membangkitkan kajian sasarannya mengenai elemen ketuhanan dimana seseorang insan yang mencari pangkal jalan dalam kehidupan manakala kajian yang dihasilkan pengkaji hanya merungkai mengenai tanggungjawab kepada ibu, diri, dan negara. Manakala kelemahan yang terdapat dalam kajian literatur berbanding kajian yang dihasilkan oleh pengkaji adalah mengenai tiadanya kepelbagaian dalam pemilihan teks puisi yang hanya mengkhususkan satu teks sahaja iaitu *Sajak Doa* manakala kajian yang dihasilkan pengkaji mengkhususkan dua teks puisi iaitu *Ke Makam Bonda* dan *Jiwa Hamba*.

Daripada Nurul Aminah Basharuddin dan Hasnah Mohamad dalam (2016) kajian *“Interpretas Pantun Daripada Perspektif Semiotik”*. Kajian ini membincangkan tentang kajian pantun Melayu dengan menggunakan perspektif semiotik. Objektif kajian ini ialah untuk mengenalpasti dan menganalisis pantun Melayu daripada perspektif semiotik. Kajian ini menggunakan teori pensemiotikan puisi Riffaterre dan kajian ini menggunakan kaedah kajian analisis teks serta membataskan kajian terhadap pantun yang diambil daripada buku ‘Kurik Kundi Merah Saga’ yang telah diterbitkan pada (2015). Kesimpulannya, telah didapati bahawa kajian ini dapat mengurangkan ketidakfahaman dalam membuat interpretasi terhadap sesuatu perlambangan yang terdapat dalam sesuatu perkataan, seterusnya dapat memahami kehendak yang disampaikan melalui tafsiran lambang-lambang berkenaan. Melalui perspektif sintesis terdapat kekuatan dan kelemahan kajian literatur daripada Nurul Aminah Basharuddin dan Hasnah Mohamad dalam (2016) kajian *“Interpretas Pantun Daripada Perspektif Semiotik”* berbanding dengan kajian yang dihasilkan oleh pengkaji iaitu *Kontradiksi Aspek Didaktik Dalam Puisi Terpilih Usman Awang: Kajian Daripada Teori Semiotik*. Kekuatan yang terdapat dalam kajian literatur berbanding kajian yang dihasilkan oleh pengkaji adalah cuba mengangkat karya puisi tradisional iaitu pantun berbanding kajian yang dihasilkan pengkaji yang mengangkat mengenai puisi moden yang sememangnya berada pada alaf kemodenan. Manakala kelemahan yang terdapat dalam kajian literatur berbanding kajian yang dihasilkan oleh pengkaji adalah objektif yang diketengahkan tidak dipecahkan dengan dengan lebih meluas berbanding objektif kajian yang dihasilkan oleh pengkaji terhadap kajian yang dilaksanakan.

Selain itu, daripada Jyh Wee Sew (2016) dalam tajuk *“Analisis Kajian Sastera: Semiotik Dalam Anwar Ridhwan”*. Kajian ini membincangkan tentang kualiti sebuah buku ilmiah bahasa Melayu yang telah diterbitkan pada tahun 2014. Kerangka ilmiah digunakan

dalam kajian ini untuk membahagikan penilaiannya ke dalam penampilan luaran dan struktur dalaman. Kajian ini dijalankan dengan pengkategorian iaitu dengan kategori pertama ialah memeriksa kualiti suntingan dan ketepatan rujukan, manakala kategori kedua adalah meninjau kualiti kajian serta kesamaan aspek teori yang digunakan sebagai wadah perbincangan. Melalui perspektif sintesis terdapat kekuatan dan kelemahan kajian literatur daripada Jyh Wee Sew (2016) dalam tajuk "*Analisis Kajian Sastera: Semiotik Dalam Anwar Ridhwan*" berbanding dengan kajian yang dihasilkan oleh pengkaji iaitu *Kontradiksi Aspek Didaktik Dalam Puisi Terpilih Usman Awang: Kajian Daripada Teori Semiotik*. Kekuatan yang terdapat dalam kajian literatur ini berbanding dengan hasil kajian yang dilaksanakan oleh pengkaji adalah mengkaji mengenai suntingan luaran dan dalaman sesebuah buku ilmiah bahasa Melayu yang memerlukan kreativiti yang lebih tinggi berbanding dengan kajian yang dilaksanakan oleh pengkaji yang hanya meneliti mengenai aspek didaktik daripada teori semiotik. Manakala kelemahan yang terkandung dalam kajian literatur berbanding kajian yang dihasilkan oleh pengkaji adalah tidak memberikan keutamaan kepada nilai pengajaran sebagai perkara utama dalam kajian berbanding kajian yang dihasilkan oleh pengkaji yang menekankan mengenai nilai pengajaran yang tinggi untuk masyarakat sejagat.

Daripada Dian Nurrachman (2017) dalam "*Teks Sastra Dalam Perspektif Semiotika Pragmatis Charles Sanders Peirce*" yang membincangkan tentang kajian yang dilakukan dalam Teks Sastera dengan menggunakan Perspektif Semiotik Pragmatis. Walaupun ramai pengkaji yang telah membuat kajian dan telah menjelaskan semiotik, namun ramai juga yang tidak tahu untuk menulisnya dalam tulisan yang mudah difahami. Hal ini kerana, ideologi semiotika yang kurang difahami terutamanya dalam landasan falsafahnya tidak terlalu dijelaskan dengan baik. Dalam arus semiotik Charles Sanders Peirce, banyak orang langsung membahasnya dalam situasi penandaan, dan ini memunculkan sedikit sebanyak

masalah dalam memahami teori semiotik Peirce tersebut. Hasil kajian adalah mendapati bahawa tulisan ini mencuba memberikan gagasan bahawa dalam memahami sesebuah teori, ianya tidak boleh dilepaskan daripada landasan falsafahnya. Melalui perspektif sintesis terdapat kekuatan dan kelemahan kajian literatur daripada Dian Nurrachman (2017) dalam "*Teks Sastra Dalam Perspektif Semiotika Pragmatis Charles Sanders Peirce*" berbanding dengan kajian yang dihasilkan oleh pengkaji iaitu *Kontradiksi Aspek Didaktik Dalam Puisi Terpilih Usman Awang: Kajian Daripada Teori Semiotik*. Kekuatan yang terdapat dalam kajian literatur berbanding kajian yang dihasilkan oleh pengkaji adalah menelusuri kajian perspektif semiotika pragmatis sementara kajian yang dihasilkan pengkaji hanya terdedah kepada teori semiotik. Manakala kelemahan yang terdapat dalam kajian literatur berbanding kajian yang dihasilkan oleh pengkaji adalah ianya hanya menceritakan penelitian terhadap ruang lingkup teks sastera dalam perspektif semiotika pragmatis sahaja tanpa penerapan ilmu lain seperti yang terkandung dalam kajian pengkaji ini iaitu mendedahkan mengenai kontradiksi aspek didaktik, puisi Usman Awang, dan teori semiotik.

Daripada Erni Zuliani (2019) dalam "*Film 'Sang Kyai' (Nasionalisme Islam Nusantara Perspektif Semiotik Roland Barthes)*" yang mengkaji tentang kajian linguistik. Dalam perbincangan ini mengatakan bahawa bahasa merupakan sistem penggunaan yang digunakan oleh anggota masyarakat untuk bekerjasama, berinteraksi, dan mengenal pasti. Selain itu, kajian ini juga berkaitan dengan ilmu tanda yang sangat berguna sekali dan dianggap semiotik dalam kajian bahasa kerana dengan melalui tanda segala sesuatu yang dapat ditafsirkan. Kesimpulannya, kajian ini menunjukkan bahawa Nasionalisme Islam dalam filem 'Sang Kyai' dengan menggunakan perspektif semiotik Roland Barthes dapat dikategorikan kepada tiga hasil iaitu menjaga persatuan dan perpaduan negara, memupuk perundingan serta memperjuangkan keadilan. Melalui perspektif sintesis

terdapat kekuatan dan kelemahan kajian literatur daripada Erni Zuliani (2019) dalam "*Film 'Sang Kyai' (Nasionalisme Islam Nusantara Perspektif Semiotik Roland Barthes)*" berbanding dengan kajian yang dihasilkan oleh pengkaji iaitu *Kontradiksi Aspek Didaktik Dalam Puisi Terpilih Usman Awang: Kajian Daripada Teori Semiotik*. Kekuatan yang terdapat dalam kajian literatur berbanding kajian yang dihasilkan pengkaji adalah ianya berkait dengan Nasionalisme Islam nusantara yang lebih besar dan luas konteks penelitiannya berbanding kajian yang dihasilkan pengkaji yang hanya menekankan mengenai aspek didaktik dalam puisi Usman Awang melalui teori semiotik. Manakala kelemahan yang terkandung dalam kajian literatur berbanding kajian yang dihasilkan oleh pengkaji adalah kajian yang bertaraf tinggi ini tidak dapat menangkap rata jiwa anak muda yang sedang mencari identiti diri namun sebaliknya kajian yang dihasilkan oleh pengkaji dapat menyedarkan anak muda untuk sentiasa menghormati ibu dan juga kebebasan yang diraih di negara ini.

Selanjutnya, daripada Siti Fatimah (2019) dalam "*Kumpulan Puisi Air Kata-Kata Karya Sindhunata Dalam Perspektif Semiotik Sosial*" telah mengkaji bahawa kumpulan puisi Air Kata-Kata yang diterbitkan pada tahun 2004 ini berisi tentang perpaduan antara kata-kata yang dikaitkan dengan gambar atau lukisan, dipenuhi dengan simbol-simbol yang sukar untuk difahami serta bentuknya yang unik. Penelitian ini dijalankan untuk menjelaskan penggunaan leksikon budaya dalam puisi tersebut, menjelaskan pengaruh sosio-budaya masyarakat terhadap simbol-simbol dan menjelaskan makna simbolik yang ada dalam kumpulan puisi tersebut. Kaedah metodologi kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah kaedah kualitatif dengan menggunakan pendekatan semiotik sosial dan sumber data yang diperolehi akan didapati daripada kumpulan puisi Air Kata-Kata karya Sindhunata yang diterbitkan pada tahun 2004. Kesimpulannya, puisi karya Sindhunata ini telah menggunakan pelbagai leksikon budaya dalam puisi-puisinya, terpengaruh dengan

berbagai fenomena sosial budaya yang terjadi dalam kalangan masyarakat yang telah dijadikan inspirasi kepada yang lain dan makna simbolik puisi-puisi yang diciptakan tidak dapat dilepaskan dari leksikon budaya termasuk pengaruh sosial budaya masyarakat tersebut. Melalui perspektif sintesis terdapat kekuatan dan kelemahan kajian literatur daripada Siti Fatimah (2019) dalam "*Kumpulan Puisi Air Kata-Kata Karya Sindhunata Dalam Perspektif Semiotik Sosial*" berbanding dengan kajian yang dihasilkan oleh pengkaji iaitu *Kontradiksi Aspek Didaktik Dalam Puisi Terpilih Usman Awang: Kajian Daripada Teori Semiotik*. Kekuatan yang terdapat dalam kajian literatur berbanding kajian yang dihasilkan oleh pengkaji adalah penelitiannya berbeza daripada kajian lain dimana mempunyai kekuatan yang tersendiri iaitu terdapat pengisian tentang perpaduan antara kata-kata yang dikaitkan dengan gambar atau lukisan manakala dalam kajian yang dihasilkan oleh pengkaji hanya berteraskan kepada pemahaman teks puisi dan bahasa dalam merungkai aspek didaktik melalui teori semiotik. Manakala kelemahan yang terdapat dalam kajian literatur berbanding kajian yang dihasilkan oleh pengkaji adalah kajian tersebut terdapat pelbagai fenomena sosial budaya yang dapat memberikan kesan yang negatif kepada masyarakat dalam bilangan yang kecil sebaliknya kajian yang dihasilkan pengkaji tidak dapat disangkal lagi dapat memberikan input yang positif secara keseluruhan untuk pembentukan keperibadian yang baik dalam kalangan masyarakat sejagat.

Akhir sekali, penulisan daripada Siti Fatimah, Murywantobroto, HR Utami dan Agus Wismanto (2020) dalam artikel "*Konflik Dan Kritik Dalam Perspektif Semiotik Sosial Terhadap Novel Yang Bertahan Dan Binasa Perlahan Karya Okky Madasari*". Artikel ini membincangkan tentang konflik yang menjadi dasar kepada seseorang novelis dalam menulis ceritanya. Metodologi kajian yang dijalankan dalam penelitian adalah kaedah kualitatif berdasarkan daripada bahasa semiotik sosial. Data-data yang dikumpulkan telah mencukupi bahasa wacana untuk menemukan konflik sekaligus memberikan kritikan di

dalam novel tersebut. Kesimpulannya, berdasarkan penelitian dalam artikel ini, konflik yang digunakan novelis telah meliputi kepada permasalahan transmigran, kenakalan remaja, gangguan mental, skandal-skandal politik, terorisme, agama, pelecehan seksual, hidup demokrasi, bunuh diri, poligami dan pernikahan. Melalui perspektif sintesis terdapat kekuatan dan kelemahan kajian literatur daripada Siti Fatimah, Murywantobroto, HR Utami dan Agus Wismanto (2020) dalam artikel "*Konflik Dan Kritik Dalam Perspektif Semiotik Sosial Terhadap Novel Yang Bertahan Dan Binasa Perlahan Karya Okky Madasari* berbanding dengan kajian yang dihasilkan oleh pengkaji iaitu *Kontradiksi Aspek Didaktik Dalam Puisi Terpilih Usman Awang: Kajian Daripada Teori Semiotik*. Kekuatan yang terdapat dalam kajian literatur berbanding kajian yang dihasilkan oleh pengkaji adalah melibatkan isu semasa mengenai konflik yang berlaku dalam diri generasi alaf baharu ini seperti permasalahan transmigran, kenakalan remaja, gangguan mental, skandal-skandal politik, terorisme, agama, pelecehan seksual, hidup demokrasi, bunuh diri, poligami dan pernikahan berbanding kajian yang dihasilkan oleh pengkaji yang tidak melibatkan isu semasa dalam intipati kajian. Manakala kelemahan yang terdapat dalam kajian literatur berbanding kajian yang dihasilkan oleh pengkaji adalah terdapat beberapa perkara yang dibangkitkan dalam kandungan kajian itu bersifat sensitif sebaliknya kajian yang dihasilkan oleh pengkaji bersifat harmoni.



## 2.5 Rumusan

Secara kesimpulannya, jelaslah bahawa Charles Sander Peirce menunjukkan bahawa dalam proses semiotik mempunyai beberapa manfaat untuk mengkaji karya sastera. Perspektif semiotik daripada Charles Sander Peirce ini juga dapat membantu para penulis untuk memahami maksud sebenar semiotik sebagai sebuah tanda dalam mengemukakan sesuatu dengan baik. Kajian semiotik ini bertujuan agar dapat merungkai makna sebenar penyampaian cerita yang telah ditulis oleh penulis. Teori semiotik ini juga dianggap sebagai satu bentuk penulisan iaitu hal ini dapat membantu bahasa dalam sastera menjadi sebuah tanda yang penting dalam mewakili serta sesuai dengan maksud yang ingin disampaikan oleh penulis.

Selain itu, dalam kajian ini juga jelas menunjukkan bahawa seseorang pengkarya sastera dapat menghasilkan sesebuah puisi yang menyentuh tentang kajian daripada teori semiotik dalam usaha penulis mencatatkan ilmu yang difahami berdasarkan pemikirannya. Tanpa pemahaman dan penghayatan yang baik tentang bahasa serta tanda dengan baik dan jelas, maka penulis itu akan gagal menghasilkan puisi yang berkesan kepada masyarakat. Oleh itu, setiap penulis haruslah memanfaatkan ilmu teori semiotik ini dalam karya sastera mereka untuk menyampaikan aspek bahasa yang positif dan baik untuk dijadikan contoh dan teladan kepada generasi muda yang akan datang.

## BAB 3

### METODOLOGI KAJIAN

#### 3.1 Pengenalan


Metodologi kajian merupakan satu kaedah yang diterapkan untuk mendekati dan mendapatkan sasaran objektif atau matlamat kajian. Definisi yang boleh digunakan dalam memahami metodologi kajian adalah salah satu penentuan tatacara untuk merungkai permasalahan kajian dengan lebih sistematik. Maka, terdapat beberapa langkah ataupun strategi yang telah ditentukan susunannya untuk mendapatkan hasil kajian yang tepat dan padat. Setiap satu per satu kaedah kajian diterapkan ini mampu membuktikan kajian yang dilaksanakan berada pada landasan yang tepat dan benar. Ia memberikan satu gambaran yang mapan kearah kejelasan terhadap pembinaan dan pembangunan terhadap kajian. Maka, tiada kepincangan yang dapat merundumkan idea utama kerana memiliki alur perancangan dan pembangunan yang baik dan jelas.

Menurut AS Hornby (1980) telah menyatakan bahawa metodologi adalah sains atau kaedah kajian terhadap bidang ilmiah dalam menjalankan menjalankan sesuatu matlamat yang dirancang. Sesuatu objektif kajian itu tidak akan berhasil untuk dikecapi sekiranya tidak menerapkan metodologi kajian kerana ia merupakan proses utama dalam menggerakkan kajian kepada arah tuju yang benar. Erti sains yang dinyatakan oleh AS Hornby dalam metodologi kajian dapat difahami mengenai keterangan lanjut untuk menjayakan objektif yang dibangkitkan dimana ianya seperti saintis yang memerhatikan sesuatu eksperimen dan merekodkan apa yang diperhatikannya. Menurut Sulaiman Masri (2003), reka bentuk kajian adalah perancangan yang menentukan cara penyelidikan itu

akan dijalankan bagi menemukan jawapan kepada permasalahan kajian. Hal ini dikatakan demikian kerana permasalahan kajian yang wujud dalam sesuatu kajian dapat diselesaikan dengan adanya perancangan yang baik iaitu dengan adanya rangka awal melalui proses metodologi kajian. Secara keseluruhannya yang dapat ditelusuri daripada pandangan dua orang sarjana ini iaitu AS Hornby dan Sulaiman Masri bahawa metodologi kajian adalah kaedah yang penting dalam memastikan kajian dapat diselesaikan untuk mencapai matlamat yang dirancang dengan baik.

Bab ini menerangkan mengenai metodologi yang digunakan oleh pengkaji untuk melaksanakan kajian ini. Bab ini mengkhususkan untuk menjelaskan cara kajian yang dijalankan, data-data diperolehi dan dianalisis bagi mendapat maklumat yang tepat. Antara perkara yang terkandung dalam bab ini adalah reka bentuk kajian, kaedah data, kaedah analisis data, dan instrumen kajian. Secara dasarnya, bab ini memperjelaskan mengenai perolehan maklumat serta data yang didapati untuk melaksanakan kajian *Kontradiksi Aspek Didaktik dalam Puisi terpilih Usman Awang: Kajian daripada Teori Semiotik*.

### 3.2 Reka Bentuk Kajian



Rajah 3.2 Reka Bentuk Kajian

Berdasarkan rajah 3.2 mengenai reka bentuk kajian yang merupakan satu pendekatan atau kaedah untuk menyelesaikan permasalahan kajian. Terdapat dua reka bentuk kajian yang terdapat dalam setiap penyelidikan iaitu pendekatan kuantitatif dan pendekatan kualitatif. Dalam kajian ini, pengkaji akan menggunakan pendekatan kualitatif dalam memastikan matlamat kajian dapat dicapai dengan baik dan terancang. Kajian ini iaitu digariskan mauduk khasnya iaitu *Kontradiksi Aspek didaktik Dalam Puisi Terpilih Usman Awang: Kajian Daripada Teori semiotik*. Kajian ini memperlihatkan mengenai unsur didaktik daripada aspek persamaan dan perbezaan dalam dua puisi yang dikaryakan oleh Usman Awang iaitu *Ke Makam Bonda* dan *Jiwa Hamba* yang dikritik dengan kritis dengan penggunaan teori semiotik daripada pelopor, Charles Sander Pierce (1839-1914). Sudut pandang yang ditunjukkan dalam teori semiotik ini adalah mengenai skop simbol yang digunakan melalui frasa kata-kata dalam bait-bait rangkap puisi *Ke Makam Bonda* dan *Jiwa Hamba*.

Dalam memastikan kajian ini mempunyai arah tuju yang jelas, terdapat tiga objektif ataupun matlamat kajian yang difokuskan dalam menepati kriteria yang menjawab kepada tajuk kajian. Objektif pertama kajian ini adalah 'Mengenalpasti unsur kontradiksi berdasarkan aspek didaktik yang terdapat pada puisi *Ke Makam Bonda* dan *Jiwa Hamba*'. Selain itu, objektif kedua adalah 'Menganalisis bentuk pemikiran yang boleh didapati berdasarkan teori semiotik dalam puisi *Ke Makam Bonda* dan *Jiwa Hamba*'. Seterusnya, objektif kajian ketiga adalah 'Membincangkan kesan didaktik yang diperolehi daripada puisi Usman Awang dalam membentuk pola pemikiran masyarakat'. Ketiga-tiga objektif ini adalah untuk menjawab segala persoalan yang terdapat dalam kajian ini supaya pembaca mendapatkan kejelasan untuk memahami mengenai *Kontradiksi Aspek didaktik Dalam Puisi Terpilih Usman Awang: Kajian Daripada Teori semiotik*.

Kaedah kajian yang digunakan dalam merungkai dan menjawab kepada persoalan pengkaji secara ilmiah terbahagi kepada empat kaedah. Antara kaedah yang menjadi tunjang kepada kajian ini adalah kaedah kepustakaan, kaedah laman sesawang, dan kaedah analisis tekstual. Ketiga-tiga kaedah ini mempunyai perbezaan yang tersendiri namun membawa matlamat yang sama supaya dapat memberikan maklumat yang jitu untuk memastikan kajian ini berada pada radar yang tepat.

Instrumen kajian yang terdapat dalam kajian ini terbahagi kepada dua iaitu kaedah soal selidik dan kaedah kajian rintis. Kedah soal selidik dijalankan secara atas talian yang dihebahkan kepada pelajar Kesusasteraan Warisan kohort C18 daripada UMK untuk mendapatkan pandangan dan penilaian kepada kefahaman mereka yang tersendiri. Manakala kaedah kajian rintis satu kaedah untuk menilai dan memastikan soalan-soalan dalam soal selidik yang dikemukakan kepada responden menepati objektif kajian dan bersesuaian serta mudah difahami oleh responden untuk menjawab soalan. Soalan kajian rintis dijalankan kepada 15 orang pelajar Kesusasteraan Warisan daripada UMK kohort C19.

Melalui perkara-perkara yang dijalankan seperti diatas, ia memberikan pendedahan dan membuka ruang pemikiran pengkaji untuk mendapatkan dapatan kajian untuk dirungkaikan analisis terhadap data yang diperolehi. Dalam bahagian ini, pengkaji memerihalkan terhadap kesemua data yang diperolehi dan dikupas dengan terperinci supaya mampu mencapai matlamat kajian yang telah dirangka pada bahagian rangka awal kajian.

### 3.2.1 Kaedah Kualitatif

Kaedah kualitatif merupakan satu pendekatan yang berbentuk atau bersifat deskriptif. Ianya berbentuk atau bersifat deskriptif dimana terarah kepada penghuraian 'makna' terhadap perkara-perkara yang dikaji. Pendekatan kualitatif merupakan salah satu kaedah yang berlandaskan kualiti. Manakala, penelitian dari aspek skop kajian dapat melibatkan kuantiti responden yang kecil.



### 3.3 Kaedah Kajian

Kaedah kajian adalah satu pendekatan untuk mengumpulkan maklumat mengenai kajian ini. Antaranya adalah kaedah kepustakaan, kaedah laman sesawang, kaedah analisis tekstual, dan teori semiotik.

#### 3.3.1 Kaedah Kepustakaan

Pengkaji menggunakan kaedah kepustakaan untuk mencari maklumat yang terperinci daripada hasil penulisan golongan intelektual yang mempunyai kepakaran yang mapan. Pengkaji mendapatkan maklumat mengenai kajian *Kontradiksi Aspek Didaktik dalam Puisi Terpilih Usman Awang: Kajian daripada Teori Semiotik* di perpustakaan Kota Bharu, Kelantan dan perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan (UMK). Maklumat dan info yang diperolehi dapat memberikan pendedahan awal kepada pengkaji dalam melaksanakan kajian ini supaya dapat memperincikan analisis kajian yang dilaksanakan.


#### 3.3.2 Kaedah Laman Sesawang

Pengkaji juga menggunakan kaedah rujukan daripada laman sesawang untuk mendapatkan maklumat tambahan dalam penyelidikan. Pengkaji menerokai laman sesawang untuk mendapatkan rujukan yang berkualiti supaya dapat membantu usaha pengkaji dalam mendapatkan maklumat. Antara hasil dapatan pengkaji daripada laman sesawang adalah hasil penulisan Usman Awang dalam puisi iaitu teks *Jiwa Hamba (1948)* dan *Ke Makam Bonda (1956)*.



### 3.3.3 Kaedah Analisis Tekstual

Pengkaji akan menilai dan membuat analisis tekstual melalui proses analisis tekstual yang merupakan satu kaedah supaya pengkaji dapat memahami teks puisi untuk menganalisis teks puisi *Jiwa Hamba (1948)* dan *Ke Makam Bonda (1956)* yang didapatkan dalam kaedah laman sesawang.



*Rajah 3.3.3 Proses Analisis Tekstual*

Berdasarkan rajah 3.3.3 iaitu proses analisis tekstual merupakan alur kepada proses yang dijalankan oleh pengkaji untuk melakukan analisis tekstual. Pada peringkat awal, pengkaji menentukan karya yang akan diterapkan dalam kajian iaitu puisi *Ke Makam Bonda* dan *Jiwa Hamba* karya Usman Awang. Seterusnya, pengkaji menentukan tema yang akan dibawa dalam kajian iaitu tema moral. Akhir sekali, pengkaji menentukan penggunaan teori yang akan diterapkan dalam kajian iitu teori semiotik daripada Charles Sander Pierce.

### 3.4 Proses Pengumpulan Data

Proses pengumpulan data merupakan suatu proses yang diterapkan untuk mengumpul sesuatu data atau maklumat yang berkaitan dengan kajian. Terdapat pelbagai kaedah yang digunakan dalam memastikan data dapat dikumpul dengan baik untuk mencapai matlamat kajian. Pengkaji telah memilih data sekunder iaitu dengan menggunakan kaedah kepustakaan, kaedah analisis tekstual, dan kaedah laman sesawang.

### 3.5 Kaedah Analisis Data

Analisis data merupakan satu kaedah untuk proses kajian terhadap penyelidikan supaya mendapat maklumat yang menepati matlamat kajian. Pengkaji menggunakan dua kaedah analisis data iaitu kaedah analisis kandungan dan kaedah analisis teorikal.

#### 3.5.1 Kaedah Tekstual

Analisis kandungan merupakan satu kaedah untuk membuat rumusan dengan terperinci terhadap teks puisi yang dipilih dalam kajian ini. Dengan itu, pengkaji melaksanakan pemerhatian secara telus dan saksama dengan inisiatif memahami teks puisi dengan menelusuri teks *Jiwa Hamba (1948)* dan *Ke Makam Bonda (1956)*.

Kaedah analisis kandungan juga menggunakan kaedah penerokaan dalam laman sesawang di enjin carian internet untuk mendapatkan maklumat mengenai teks puisi *Jiwa Hamba (1948)* dan *Ke Makam Bonda (1956)*. Bagi memperincikan lagi maklumat yang diperolehi, pengkaji menggunakan kaedah kepustakaan untuk mendapatkan kelengkapan maklumat berkaitan kajian ini dengan carian tesis, buku, jurnal, dan artikel di perpustakaan Kota Bharu, Kelantan dan perpustakaan UMK kampus Bachok.

#### 3.5.2 Kaedah Analisis Teorikal

Dalam bahagian ini, kajian ini akan diteliti daripada teori semiotik daripada Charles Sander Peirce dalam karya sastera Melayu. Teori semiotik berasal daripada Barat serta istilah semiotik pula berasal daripada istilah Yunani iaitu "Semeion" yang bermaksud tanda. Semenjak penolakan kepada teori epistemologi Yunani, teori semiotik ini kemudiannya tidak lagi popular sehinggalah pada abad ke-17 apabila ahli falsafah Inggeris iaitu John Locke (1632-1704) menggunakan teori semiotik itu semula untuk menunjukkan dengan jelas doktrin perlambangannya itu.

Teori semiotik berasal daripada dua tokoh iaitu Charles Sander Peirce (1839- 1914) dan Charles William Morris (1901-1979). Kedua-dua teori mereka mempunyai beberapa persamaan dan perbezaan. Menurut Supardy Muradi (Disember 1984:36), Charles Sanders Pierce (1839-1914) adalah seorang ahli falsafah yang juga merupakan seorang peneroka tradisi semiotik di Amerika Syarikat manakala Charles William Morris (1901-1979) pula adalah pengikut kepada Peirce dan banyak mengambil konsep semiotik Pierce terutamanya dalam proses semiosis 'triadic'.

Charles Sander Peirce mengatakan bahawa semiotik adalah tanda yang dikenalpasti daripada proses semiotik yang terbahagi kepada tiga kategori iaitu, 'representamen', 'object' dan 'interpretant'. Tanda tersebut dapat dibahagikan kepada hubungan segitiga asli 'genuine triadic'. Bagi Pierce, maksud sebenar tanda adalah daripada mengemukakan sesuatu atau disebut sebagai 'representamen'. Apa yang dijelaskan daripada tanda, apa yang diacukan, yang ditunjukkan akan digelar oleh Peirce dalam bahasa Inggeris iaitu 'object', dan juga digunakan kata 'designatum' atau 'denotatum' (Pierce, 1965: 274).

Penelitian berasaskan perspektif semiotik ini memberikan satu nilai untuk pengkaji melaksanakan analisis kajian terhadap kontradiksi aspek didaktik terhadap kumpulan puisi terpilih Usman Awang dengan penggunaan teori semiotik. Analisis tersebut berasaskan teori semiotik seperti berikut:

### 3.6 Instrumen Kajian

Kajian ini akan dilaksanakan dengan menggunakan beberapa instrumen kajian. Antara instrumen kajian tersebut adalah borang soal selidik dan kajian rintis.

#### 3.6.1 Kaedah Soal Selidik

Pengkaji menggunakan kaedah soal selidik kepada pelajar Kesusasteraan Warisan kohort C18 daripada UMK. Pengkaji menyediakan beberapa bahagian persoalan mengenai pandangan responden terhadap kajian *Kontradiksi Aspek Didaktik dalam Puisi Terpilih Usman Awang: Kajian daripada Teori Semiotik*. Data yang diperolehi daripada para responden itu akan dikumpulkan dan dianalisis terhadap jawapan yang diberikan mengikut persoalan yang disediakan.

#### 3.6.2 Kaedah Kajian Rintis

Kajian rintis merupakan satu kaedah untuk menilai dan memastikan soalan-soalan dalam borang soal selidik yang dikemukakan kepada responden menepati objektif kajian dan bersesuaian serta mudah difahami oleh responden untuk menjawab soalan. Elemen-elemen yang difokuskan semasa kajian rintis adalah daripada aspek penggunaan bahasa yang mudah difahami oleh responden, persoalan dan pernyataan dalam borang soal selidik yang menepati dan bersesuaian terhadap sasaran responden daripada aspek pengalaman dan pengetahuan, dan persoalan yang dikemukakan dalam borang soal selidik dapat mencapai matlamat pengkaji untuk mendapatkan maklumat daripada responden. Kajian rintis akan dijalankan kepada 15 orang pelajar Kesusasteraan Warisan kohort C19 daripada UMK.

### 3.7 Rumusan

Kesimpulannya, perkara-perkara yang mempunyai hubungkait dengan metodologi kajian telah diterangkan dalam bab 3, di mana perkara tersebut merupakan kaedah bagi penyusunan data. Kaedah kualitatif digunakan bagi menyusun data-data dalam bab ini. Melalui penerapan kaedah ini keseluruhan kajian akan dapat dilaksanakan dengan sempurna oleh pengkaji.



## BAB 4

### DAPATAN KAJIAN

#### 4.1 Pengenalan

Bab ini akan memperincikan perbincangan mengenai ketiga-tiga objektif yang terdapat dalam kajian ini. Objektif pertama yang akan dibincangkan ialah unsur kontradiksi berdasarkan aspek didaktik yang terdapat pada puisi *Ke Makam Bonda* dan *Jiwa Hamba*. Unsur kontradiksi adalah merupakan satu aspek didaktik yang mempunyai nilai pengajaran dalam mengajar serta membentuk perkara yang peribadi dalam akhlak masyarakat. Selain itu, objektif kedua ialah menganalisis bentuk pemikiran yang boleh didapati berdasarkan teori semiotik dalam puisi *Ke Makam Bonda* dan *Jiwa Hamba*. Seterusnya, objektif ketiga ialah membincangkan kesan didaktik yang diperolehi daripada puisi Usman Awang dalam membentuk pola pemikiran masyarakat.

**Ke Makam Bonda**

Kami mengunjung pusara bonda  
sunyi pagi disinari suria  
wangi berseri puspa kemboja  
menyambut kami mewakili  
bonda

Tegak kami di makam sepi  
lalang-lalang tinggi berdiri  
dua nisan terkapar mati  
hanya papan dimakan bumi

Dalam kenangan kami melihat  
mesra kasih bonda menatap  
sedang lena dalam rahap  
dua tangan kaku berdakap

Bibir bonda bersih lesu  
pernah dulu mengucupi dahiku  
kini kurasakan kasihnya lagi  
meski jauh dibatasi bumi

Nisan batu kami tegakkan  
tiada lagi lalang memanjang  
ada doa kami pohonkan  
air mawar kami siramkan

Senyum kemboja mengantar kami  
meninggalkan makam sepi sendiri  
damailah bonda dalam pengabdian  
insan kerdil mengadap tuhan

Begitu bakti kami berikan  
tiada sama bonda melahirkan  
kasih bonda tiada sempadan  
kemuncak murni kemuliaan insan.

(Usman Awang, 1956)

***Jiwa Hamba***

Termenung seketika sunyi sejenak,  
kosong di jiwa tiada penghuni,  
hidup terasa diperbudak-budak,  
hanya suara melambung tinggi.

Berpusing roda beralihlah masa,  
pelbagai neka hidup di bumi,  
selagi hidup berjiwa hamba,  
pasti tetap terjajah abadi.

Kalau hidup ingin merdeka,  
tiada tercapai hanya berkata,  
ke muka maju sekata, maju kita,  
melemparkan jauh jiwa hamba.

Ingatkan kembali kata sakti,  
dari bahang kesedaran berapi,  
“di atas robohan kota melaka,  
kita dirikan jiwa merdeka”.

(Usman Awang, 1948)

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN



#### 4.2 Kontradiksi Aspek Didaktik Dalam Puisi *Ke Makam Bonda Dan Jiwa Hamba*

Menurut Hamalik (2001), maksud didaktik merupakan satu ilmu yang berdiri atau memiliki disiplin sendiri. Unsur yang terdapat dalam sesuatu penyampaian ataupun penulisan terhadap nilai kehidupan iaitu didaktik itu mampu memaparkan sesuatu ilmu dalam konsep pengajaran yang berbentuk kemanusiaan. Istilah didaktik adalah berkaitan dengan pendidikan dan pengajaran. Hal ini demikian, arah yang dituju oleh didaktik untuk mengetengahkan tema moral atau kebenaran kepada khalayak. Penulisan didaktik kebiasaannya tertumpu kepada teks yang merupakan kecenderungan untuk mendidik ataupun dalam erti kata lain adalah untuk memberi nasihat kepada pembaca.

Puisi *Ke Makam Bonda dan Jiwa Hamba* memiliki persamaan kerana cara kepenyairan yang disampaikan oleh Usman Awang dengan melenturkan bahasa Melayu dalam suatu suara yang khusus dan dapat mengungkapkan pelbagai suasana hati atau situasi terhadap bangsanya. Kekuatan puisi-puisi Usman Awang dilihat bukan sahaja terletak pada segi tema dan mesej namun, ianya adalah terletak kepada kesenian yang mampu membuatkan beliau dapat menyesuaikan bentuk sesuatu puisi itu kepada zamannya. Dalam sesebuah karya, Usman Awang dapat dilihat sebagai penyair yang biasa menggunakan bahasa yang lembut serta memberi kesan yang mesra agar beliau dapat menghindarkan diri daripada pengaruh negatif bahasa asing.

#### 4.2.1 Kontradiksi Berdasarkan Aspek Didaktik Dalam *Puisi Ke Makam Bonda*

Bil	Kontradiksi Berdasarkan Aspek Didaktik Dalam <i>Puisi Ke Makam Bonda</i>
1	Sentiasa mengenang jasa ibu
2	Kematian adalah perkara yang tidak dapat dihindarkan
3	Menghargai masa bersama ibu
4	Perilaku yang beradab ketika menziarahi perkuburan ibu
5	Sifat terpuji seorang anak kepada ibu

Rajah 4.2.1 Kontradiksi Berdasarkan Aspek Didaktik Dalam *Puisi Ke Makam Bonda*

*Puisi Ke Makam Bonda* adalah merupakan puisi yang mengisahkan tentang kasih sayang dan kerinduan anak terhadap ibunya yang banyak berkorban terutamanya ketika melahirkan mereka. Puisi ini mempunyai ilmu yang berunsurkan akaliah dimana Usman Awang dilihat menyisipkan bahawa watak 'ibu' merupakan insan yang mulia dan pemergiannya telah membuatkan separuh jiwa anak-anaknya mati. Seseorang anak seharusnya berbakti kepada ibu bapa semasa mereka hidup mahupun setelah meninggal dunia. Terdapat beberapa unsur kontradiksi berdasarkan aspek didaktik dalam puisi *Ke Makam Bonda*.

Antara unsur kontradiksi berdasarkan aspek didaktik yang terdapat dalam puisi *Ke Makam Bonda* adalah sentiasa mengenang jasa ibu. Dalam puisi ini telah mengingatkan bahawa setiap masyarakat untuk sentiasa mengenang pengorbanan ibu yang telah membesarkan anak-anak daripada mereka berumur kecil lagi sehinggalah mereka dewasa kerana nilai kasih sayang seorang ibu terhadap anaknya adalah sangat besar sehingga mereka sanggup menggadaikan nyawa ketika melahirkan seorang anak. Dalam puisi ini juga, pengkaji dapat melihat isi hati penulis akan mengenang jasa dan pengorbanan ibunya yang telah lahir serta membesarkannya dengan penuh kasih sayang.

Selain itu, puisi ini juga mengajar akan kematian merupakan satu perkara yang tidak dapat dihindari oleh setiap makhluk Tuhan yang hidup dan terdapat di muka bumi ini. Puisi ini memperlihatkan bahawa kematian itu sudah pasti dan sesiapa pun akan pergi tepat pada waktunya. Puisi ini memberikan pedoman kepada setiap pembacanya untuk menghayati bahawa setiap masa yang terluang dengan insan tersayang adalah masa yang terhad kepada mereka untuk menunjukkan kasih sayang yang seutuhnya kepada seseorang itu. Penyataan kematian ini dapat dilihat meskipun kasih sayang dan kerinduan penulis terhadap ibunya sangat tinggi, namun penulis menerima kenyataan bahawa ibunya telah pergi dari dunia ini dan meninggalkannya.

Di samping itu, antara unsur kontradiksi berdasarkan aspek didaktik yang terdapat dalam puisi ini juga adalah menghargai masa bersama ibu. Setiap makhluk akan pergi menghadap Tuhan, maka daripada itu, khalayak masyarakat perlulah sentiasa menghargai masa semasa masih ada bersama insan yang mereka sayangi dan cintai. Hal ini demikian, kerana bila tiba masanya akan kepergian seseorang yang meninggalkan mereka ianya dapat memisahkan diri masing-masing di dunia ini dengan kerinduan yang sangat berat. Berdasarkan puisi ini juga, masyarakat diajar untuk meluangkan sebaik mungkin masa bersama ibu dengan banyak meluangkan masa dengan perkara yang menggembirakan agar dapat dikenang dengan baik setelah sosok seorang ibu ini sudah tidak ada lagi di dunia ini.

Seterusnya, perilaku yang beradab ketika menziarahi perkuburan ibu. Penulis menekankan bahawa setiap masyarakat perlulah bersikap yang baik ketika menziarahi perkuburan ibu. Walaupun sesibuk mana seseorang di dunia ini, setiap masyarakat hendaklah sentiasa mengingati dan merindui mereka melalui doa membacakan ayat-ayat suci al-Quran yang disampaikan untuk mereka. Penulis juga berpesan dalam puisi ini bahawa masyarakat haruslah meluangkan masa untuk membersihkan kubur mereka serta

menjaga keadaan kubur mereka dengan lebih baik. Masyarakat juga haruslah berbudi bahasa dalam membalas jasa ibu walaupun sudah meninggal dunia. Jelas terbukti bahawa penulis mengingat akan kisah bersama ibunya yang selalu mencium dahinya ketika ibunya masih hidup dahulu.

Akhir sekali, sifat terpuji ataupun sifat mahmudah merupakan sifat-sifat baik yang perlu ada dalam setiap diri manusia. Dalam puisi *Ke Makam Bonda* ini dapat ditemui beberapa nilai terpuji yang telah diketengahkan oleh Usman Awang dalam rangkap puisi tersebut. Istilah mengunjungi dalam Kamus Dewan Edisi Keempat (2015) bermaksud mendatangi untuk melihat-lihat tempat atau menemui seseorang, melawat dan menziarahi. Perkataan mengunjungi pusara ini termasuk sifat terpuji kerana ia digalakkan oleh agama kerana ia dapat meruntun hati untuk mendekatkan diri dengan pencipta. Selain itu, sifat terpuji yang jelas dipaparkan dalam puisi ini adalah anak memastikan kawasan kubur berada dalam keadaan bersih dan kemas. Hal ini dapat dilihat menerusi bait-bait puisi tersebut di mana anak-anak telah menegakkan batu nisan yang tumbang, mencabut lalang yang tumbuh di pusara serta menyiram tanah kubur bagi melembutkan tanah. Sifat ini telah digambarkan oleh Usman Awang sebagai nilai-nilai yang perlu dilaksanakan oleh seseorang anak setelah ibu bapanya meninggal dunia.

Kesimpulannya, jasa dan pengorbanan seorang ibu itu tidak dapat dibandingkan dengan apapun perkara dan hal lain kerana ianya justeru bernilai daripada semua benda yang setiap manusia miliki di dunia ini. Maka daripada itu, setiap masyarakat ini haruslah menghargai masa yang masih ada bersama ibu agar mereka tidak menyesali sesuatu perkara yang memaksa mereka untuk berpisah jua.

#### 4.2.2 Kontradiksi Berdasarkan Aspek Didaktik Dalam Puisi *Jiwa Hamba*

Bil	Kontradiksi Berdasarkan Aspek Didaktik Dalam Puisi <i>Jiwa Hamba</i>
1	Memberi kesedaran kepada bangsa untuk berubah
2	Bertindak untuk membebaskan diri daripada dijajah
3	Membentuk insan yang protektif untuk membentuk jati diri yang baik
4	Menjadikan insan lebih berwaspada dalam penjajahan kolonial baharu
5	Kemerdekaan bebaskan diri daripada belenggu kejahilan

Rajah 4.2.2 Kontradiksi Berdasarkan Aspek Didaktik Dalam Puisi *Jiwa Hamba*

Puisi *Jiwa Hamba* mengisahkan tentang golongan orang yang ditindas daripada penjajahan negara mereka. Perlakuan dan perangai masyarakat dalam puisi ini dilihat mampu dan cukup bahawa golongan politik bertindak melulu dan mengentak rakyat di bawah mereka kerana golongan politik ini tahu bahawa rakyat akan cenderung untuk bersikap rela dan redha. Usman Awang memerihalkan mengenai kehidupan bangsa Melayu yang jiwanya dibelenggu rasa menginginkan kebebasan. Setiap insan yang ditindas merasa rendah diri dan cuba untuk tetap berjuang agar negeri mereka bebas daripada penjajahan.

Dalam nukilan puisi *Jiwa Hamba* ini, Usman Awang jelas ingin memaparkan bahawa walaupun negara Malaysia sudah merdeka, namun rakyatnya masih berkelakuan seperti seorang hamba dan membiarkan diri masyarakat ditindas. Generasi demi generasi tetap dilihat tidak dapat melepaskan diri daripada kekacauan yang telah dilakukan oleh para pemimpin politik yang membohongi rakyat ini. Terdapat beberapa unsur kontradiksi berdasarkan aspek didaktik dalam puisi *Jiwa Hamba*.

Antara unsur kontradiksi berdasarkan aspek didaktik yang terdapat dalam puisi *Jiwa Hamba* adalah memberikan kesedaran kepada bangsa untuk berubah. Puisi *Jiwa Hamba* telah diterbitkan sekitar tahun 1948 dan pada waktu itu negara Malaysia belum wujud. Semenanjung Tanah Melayu masih dijajah pihak British. Pada masa yang sama, parti-parti sayap kiri sedang menentang pihak British secara terbuka untuk mendapat kemerdekaan, Namun, ada pihak yang berpendapat bahawa Tanah Melayu masih belum bersedia untuk merdeka ketika itu dan mereka sanggup bersekongkol dengan pihak penjajah. Mungkin inilah golongan yang dikatakan “berjiwa hamba’, Jika sebahagian besar penduduk masih berfikiran sedemikian, semangat mereka untuk menentang penjajah akan lemah. Maka daripada itu, puisi ini telah memberikan kesedaran kepada masyarakat untuk sentiasa berjuang demi maruah dan keselamatan mereka.

Selain itu, unsur kontradiksi berdasarkan aspek didaktik yang terdapat dalam puisi ini juga adalah sebagai masyarakat, mereka haruslah bertindak untuk membebaskan diri daripada penjajah. Semangat ini membawa sama maksud dengan semangat nasionalisme yang membawa kepada kesedaran yang menumpukan perhatian bagi menentukan nasib sendiri, bangsa dan negara untuk mencapai kebebasan dan mewujudkan keperibadian yang unggul. Semangat yang lazim ini muncul akibat daripada tekanan dan pengaruh penjajah sehingga anak watan menjadi lemah dari segi ekonomi, sosial, politik dan budaya. Maka semangat masyarakat dalam bertindak untuk membebaskan diri daripada penjajah adalah satu perjuangan bagi mempertahankan maruah dan mempertinggikan martabat dalam kedaulatan negara.

Seterusnya, membentuk insan yang protektif untuk membentuk jati diri yang baik. Puisi *Jiwa Hamba* yang dikarang oleh Sasterawan Negara Usman Awang ini menggambarkan perasaan yang hebat tentang bangsa terutamanya orang Melayu. Melalui puisi ini, penulis menyeru agar bangsanya mempunyai kesedaran sebagai bangsa

berdaulat dan bermaruah. Beliau secara sedar sengaja memasukkan nada peringatan bahawa jika mereka tetap bersikap seperti orang yang berjiwa hamba, ianya akan selamanya “Pasti tetap terjajah abadi”. puisi ini menampilkan satu semangat dan mengajak pembacanya melakukan satu perubahan yang besar dalam hidup mereka. Usman Awang secara peribadi terkenal sebagai seorang yang berperibadi lembut dan bahasa yang selalu dipilih dalam semua sajaknya juga sangat teliti, baik dan puitis. Menerusi puisi ini, beliau menyuarakan hasrat untuk merdeka dan kemerdekaan itu tidak akan tercapai jika mereka tidak bertindak untuk membebaskan diri daripada menjadi bangsa terjajah. Maka jelas bahawa setiap masyarakat perlulah membentuk diri mereka untuk mewujudkan jati diri yang baik agar mereka sentiasa dapat mempertahankan keamanan negara.

Selanjutnya, puisi *Jiwa Hamba* ini mampu menjadikan insan lebih berwaspada kepada penjajahan dalam bentuk kolonial baharu. Dari perspektif intelektual kiri hari ini, mereka yang “berjiwa hamba” adalah mereka yang masih dibelenggu ideologi kapitalisme dan neo-liberal. Dalam erti kata yang lain, inilah golongan yang dijajah dari segi pemikiran sehinggakan jiwa mereka bagai telah diprogramkan semata-mata untuk mengejar wang dan pangkat. Mereka yang “berjiwa merdeka” pula ialah segelintir yang dapat membebaskan diri daripada ideologi sedemikian yang kononnya telah menjadi lumrah umat manusia. Penulis cuba menyampaikan bahawa setiap masyarakat perlulah lebih berwaspada kepada penjajahan kerana negara Malaysia sudah merdeka dan bukan untuk dijajah bangsa sendiri yang berebut akan kuasa untuk membanggakan nama dan mempunyai hak kuasa ke atas negara ini.

Akhir sekali, kemerdekaan bebaskan diri daripada belenggu kejahilan. Kemerdekaan mempunyai nilai yang begitu tinggi serta tidak boleh diukur dengan menggunakan alat penimbang kerana ianya merupakan peristiwa yang tidak boleh dijual beli. Manifestasi kecintaan dapat dilihat menerusi bait-bait rangkap tersebut Kalau hidup

ingin merdeka; *tiada tercapai hanya berkata, ke muka maju sekata, maju kita, melemparkan jauh jiwa hamba*. Puisi tersebut jelas menunjukkan bahawa, setiap masyarakat haruslah tidak dipengaruhi dengan kata-kata orang lain. Hal ini demikian kerana semangat cintakan akan negara adalah merupakan satu perkara yang tidak asing lagi di sisi masyarakat kerana sesetengah kaum di dunia ini bersungguh-sungguh dalam membina anak bangsa mereka agar mencintai negara mereka dan mempelajari sejarah lepas yang telah menelan arus kebahagiaan nenek moyang. Setiap kepentingan dalam masyarakat haruslah didahulukan dan perbezaan darjat hendaklah disamaratakan agar ianya dapat melahirkan generasi muda yang lebih bijak dalam menanggapi kebebasan diri.

Kesimpulannya, puisi *Jiwa Hamba* merupakan satu puisi yang penuh dengan makna dan sarat dengan pengajaran kepada masyarakat yang dihasilkan oleh tokoh-tokoh ini. Ianya masih sesuai untuk masyarakat deklamasi kepada anak-anak yang mencintai tanah air ini. Oleh sebab itu, setiap insan haruslah sedar bahawa jasa nenek moyang dahulu sangatlah besar dalam memperjuangkan kedamaian yang mampu memberikan kehidupan dan masa depan yang panjang kepada anak cicit mereka.



#### 4.2.3 Persamaan Dan Perbezaan Berdasarkan Aspek Didaktik Dalam Puisi *Ke Makam Bonda Dan Jiwa Hamba*.

Bil	Persamaan	Perbezaan	
		Puisi <i>Ke Makam Bonda</i>	Puisi <i>Jiwa Hamba</i>
1.	Nilai kesyukuran	Nilai redha	Nilai keadilan
2.	Nilai tanggungjawab	Nilai etika	Nilai keberanian
3.	Nilai kasih sayang	Nilai hormat-menghormati	Nilai kebebasan
4.	Nilai rasional	Nilai peribadi mulia	Nilai jati diri
5.	Nilai kesederhanaan	Nilai kerjasama	Nilai berwaspada

Rajah 4.2.3 Persamaan Dan Perbezaan Berdasarkan Aspek Didaktik Dalam Puisi *Ke Makam Bonda Dan Jiwa Hamba*

Antara persamaan yang terdapat dalam puisi *Ke Makam Bonda* dan *Jiwa Hamba* melalui aspek didaktik adalah nilai kesyukuran. Nilai kesyukuran ialah keikhlasan manusia menghargai dan menyanjung tinggi sumbangan, pemberian, dan khidmat bakti yang telah diberikan seseorang dalam usaha memberi pertolongan kepada diri mereka (Mohd Firdaus Che Yaacob, 2015). Nilai kesyukuran dapat difahami bahawa keikhlasan manusia terhadap kebaikan yang pernah dilakukan oleh orang lain terhadap dirinya supaya memperoleh keberkatan dalam hidup. Nilai kesyukuran terkandung dalam puisi *Ke Makam Bonda* dan *Jiwa Hamba*. Hal ini dikatakan demikian kerana terhadap aspek didaktik yang

memerilhalkan mengenai seseorang anak perlu untuk mengenang jasa ibu seperti yang terkandung dalam puisi *Ke Makam Bonda* dan adanya unsur untuk memberi kesedaran kepada bangsa untuk berubah yang terkandung dalam puisi *Jiwa Hamba*. Realitinya, benarlah kandungan yang terdapat dalam puisi *Ke Makam Bonda* iaitu seseorang anak seharusnya berbakti kepada ibu semasa mereka hidup mahupun setelah meninggal dunia kerana ia merupakan tanda kesyukuran atas segala jasa baik ibu kepada diri seseorang anak terutama sewaktu ibu ingin melahirkan anaknya ke dunia. Seseorang manusia juga seharusnya menyedari bahawa perlunya nilai bersyukur dalam diri dengan kebebasan yang diraih daripada belunggu penjajah dengan berusaha untuk menasihati sesama sendiri sepertimana yang dilakukan oleh Usman Awang dalam puisi *Jiwa Hamba*. Tanpa kemerdekaan pastinya kehidupan bangsa Melayu akan terus ditindas dan sentiasa akan berada dalam keadaan rendah diri tetapi hal ini perlu dipandang dari aspek yang positif untuk sesama bersyukur kerana dengan kudrat yang diberikan oleh Allah SWT untuk bersama-sama keluar dari kepompong sendiri. Maka, nilai kesyukuran didapati terkandung dalam puisi *Ke Makam Bonda* dan *Jiwa Hamba*.

Selain itu, persamaan yang terdapat dalam puisi *Ke Makam Bonda* dan *Jiwa Hamba* melalui aspek didaktik adalah nilai tanggungjawab. Menurut Zainal Abidin (1997: 1889), pengertian tanggungjawab iaitu menjadi tugas dan tanggungjawab, kewajipan, beban, pikulan, tugas, dan amanah. Nilai tanggungjawab adalah amanah daripada Allah SWT untuk hamba-hambanya supaya dapat menjalankannya dengan baik dan hati yang mulia. Nilai tanggungjawab terlihat dalam puisi *Ke Makam Bonda* dan *Jiwa karya* daripada Usman Awang. Beliau menyampaikan mesej tersebut dalam puisi *Ke Makam Bonda* dengan intipatinya seseorang anak perlulah memiliki nilai tanggungjawab untuk menghargai dan menyatuni ibu walaupun ibunya telah meninggal dunia dengan menziarahi perkuburan dan mendoakan kesejahteraan ibu di alam kubur. Sikap sedemikian dapat memberikan amal

kebaikan kepada ibu yang telah meninggal dunia kerana anak-anak yang baik adalah harta yang paling bernilai untuk kehidupan seseorang ibu di alam kubur. Manakala puisi *Jiwa Hamba* mempamerkan identitinya untuk menitipkan pesan mengenai nilai tanggungjawab melalui perilaku dan tindakan seseorang manusia supaya mampu bebas daripada kemelut penjajahan. Setiap manusia seharusnya mempunyai perasaan ingin bertanggungjawab kepada diri, agama, bangsa, dan negara supaya tidak terdedah dengan penjajahan ataupun tidak diperbudak-budakkan oleh orang lain. Hal ini dikatakan demikian kerana seseorang yang bertanggungjawab semestinya akan mampu berusaha untuk berjasa kepada diri, agama, bangsa, dan negara. Benarlah bahawa, terdapat persamaan berdasarkan aspek didaktik melali nilai tanggungjawab dalam puisi *Ke Makam Bonda* dan *Jiwa Hamba*.

Seterusnya, persamaan yang terdapat dalam puisi *Ke Makam Bonda* dan *Jiwa Hamba* melalui aspek didaktik adalah nilai kasih sayang. Menurut Mohd Firdaus Che Yaacob (2015), menyatakan nilai kasih sayang ialah kewujudan suatu perasaan menyintai sesama manusia dan perasaan ini dapat mewujudkan sebuah ikatan dalam sebuah perhubungan yang akrab. Menurut Kamus Dewan (2016), maksud kasih sayang melalui sikap sayang akan negara ialah kata 'cinta' membawa maksud perasaan sayang terhadap negara, orang tua dan kebebasan. Makna yang wujud dalam nilai kasih sayang ini sangat menepati kriteria yang terdapat dalam puisi *Ke Makam Bonda* dan *Jiwa Hamba*. Kandungan yang terdapat dalam puisi *Ke Makam Bonda* memperlihatkan kasih sayang seorang anak terhadap seorang ibu yang telah meninggal dunia. Seorang anak yang kehilangan ibu di dunia ini diibaratkan seperti separuh jiwanya telah hilang kerana kasih sayang seorang anak untuk ibunya sangat besar. Buktinya, dalam puisi *Ke Makam Bonda* memerihalkan tentang anak yang meratapi kesedihan mengingati kenangan bersama ibunya semasa masih hidup di dunia ini dan hanya mampu untuk menziahi perkuburan

ibunya sebagai tanda ingatan dan kasih sayang yang besar terhadap ibunya. Begitu juga dengan puisi *Jiwa Hamba* yang mengandungi nilai kasih sayang kepada negara. Hal ini dikatakan demikian kerana dalam puisi *Jiwa Hamba* menggambarkan perasaan sedar dalam diri khalayak masyarakat akan kerobohan kota Melaka yang sekaligus menonjolkan sikap kasih sayang khalayak masyarakat untuk berjuang kerana wujud nilai kasih sayang kepada negara untuk keadaan semasa dan generasi seterusnya. Ianya terbentuk dari hati yang murni terdetik untuk memulihara kegemilangan dalam meraih kebebasan kerana wujudnya nilai kasih sayang yang tersirat dalam sanubari. Maka, puisi *Ke Makam Bonda* dan *Jiwa Hamba* memiliki persamaan aspek didaktik melalui nilai kasih sayang.

Di samping itu, persamaan yang terdapat dalam puisi *Ke Makam Bonda* dan *Jiwa Hamba* melalui aspek didaktik adalah nilai rasional. Menurut Mohd Firdaus Che Yaacob (2015), maksud nilai rasional ialah manusia yang memiliki kebolehan untuk berfikir secara logik, benar, hujah, dan akal fikiran yang waras merujuk kepada alasan dan bukti yang konkrit sebelum bertindak dan membuat keputusan yang telus tanpa dipengaruhi perasaan yang negatif. Meneliti pernyataan makna yang terdapat pada nilai rasional, ianya menggagaskan mengenai sesuatu yang dilakukan mengikut perkara yang benar dengan adanya pemikiran yang baik. Nilai rasional terlihat wujud dalam puisi *Ke Makam Bonda* dan *Jiwa Hamba*. Intipati aspek didaktik yang terdapat dalam puisi *Ke Makam Bonda* melalui nilai rasional adalah seseorang anak yang mempunyai nilai rasional akan melakukan usaha untuk mengingati ibunya walaupun ibunya telah meninggal dunia. Misalnya, seseorang anak akan mencari masa dan melapangkan masanya yang sibuk dengan urusan dunia untuk menziarahi perkuburan ibunya untuk membersihkan kawasan perkuburan tersebut. Hal ini dikatakan demikian kerana, dengan pemikiran yang waras untuk menghargai dan berbakti kepada seseorang ibu yang telah meninggal dunia adalah dengan memberikan komitmen untuk menziarahi dan membersihkan perkuburan ibu

kerana memiliki alasan yang kukuh dimana seseorang anak perlu untuk berbakti kepada ibunya sehingga akhir hayatnya. Puisi *Jiwa Hamba* pula, menampilkan identiti aspek didaktik melalui nilai rasional dengan memperlihatkan pemikiran yang menginginkan kebebasan dalam kehidupan. Seseorang manusia yang waras pastinya tidak akan membiarkan orang lain menjajah dirinya kerana mereka sedar bahawa mereka memerlukan kebebasan dalam kehidupan di dunia ini. Ianya pasti akan disusuli dengan tindakan yang wajar supaya memperoleh sesuatu yang positif untuk diri, bangsa, dan negara iaitu kemerdekaan yang bersifat kekal. Jelaskan bahawa, puisi *Ke Makam Bonda* dan *Jiwa Hamba* memiliki persamaan daripada aspek didaktik yang ditelusuri melalui nilai rasional.

Tambahan pula, persamaan yang terdapat dalam puisi *Ke Makam Bonda* dan *Jiwa Hamba* melalui aspek didaktik adalah nilai kesederhanaan. Menurut Mohd Firdaus Che Yaacob (2015), maksud nilai kesederhanaan ialah manusia yang dapat mewujudkan sifat tidak keterlaluan dalam usaha membuat pertimbangan dan tindakan sama ada dalam pertuturan atau perlakuan dan pemikiran untuk menyesuaikan diri mereka dengan norma dan nilai masyarakat. Ianya, menggambarkan mengenai sesuatu hal yang dilaksanakan oleh manusia dengan tidak keterlaluan untuk melakukan sesuatu perkara yang baik dalam kehidupan. Nilai kesederhaan merupakan persamaan aspek didaktik yang terkandung dalam puisi *Ke Makam Bonda* dan *Jiwa Hamba*. Puisi *Ke Makam Bonda* memaparkan nilai kesederhaan seseorang anak untuk sentiasa mengenang jasa ibu. Buktinya, peribadi yang sederhana dalam diri seseorang anak dalam puisi *Ke Makam Bonda* dilihat dengan perlakuan yang tidak berlebihan menangi kematian ibunya, namun melakukan sesuatu hal untuk memastikan kesejahteraan ibunya di alam kubur dengan mendoakan kesejahteraan kepada ibunya. Selain itu, nilai kesederhanaan seseorang anak dalam puisi *Ke Makam Bonda* terlihat disebabkan anak-anak mengingati kenangan yang sederhana

dimana ibunya pernah mengucupinya semasa ibunya masih hidup. Puisi *Jiwa Hamba* juga memiliki persamaan dengan puisi *Ke Makam Bonda* berdasarkan aspek didaktik melalui nilai kesederhanaan iaitu menjadikan insan lebih berwaspada dalam penjajahan kolonial baharu. Sikap masyarakat yang sering kali alpa menghargai kemerdekaan yang dikecapi ditegur tegas oleh Usman Awang dalam puisi *Jiwa Hamba*. Semestinya, sesuatu kejayaan yang ingin diraih memerlukan usaha yang perlu dilakukan supaya perkara yang difikirkankan itu dapat direalisasikan dengan baik. Nilai kesederhaan dalam melakukan sesuatu usaha itu penting supaya itu tidak terikut dengan emosi yang membuak-buak kerana ianya dapat merencatkan sesuatu tindakan tersebut. Contohnya, sepertimana yang terkandung dalam puisi *Jiwa Hamba* yang menggambarkan dimana usaha yang ingin dilakukan supaya tidak diperbudak-budakkan ataupun mahu merasakan kemerdekaan yang berkekalan memerlukan perancangan yang rapi dengan kesederhaan untuk membuat pertimbangan baik supaya lebih berwaspada dengan penjajahan kolonial baharu. Maka, puisi *Ke Makam Bonda* dan *Jiwa Hamba* memiliki persamaan aspek didaktik melalui nilai kesederhanaan.

Terdapat juga perbezaan berdasarkan aspek didaktik dalam puisi *Ke Makam Bonda* dan *Jiwa Hamba*. Antara perbezaan berdasarkan aspek didaktik yang terkandung dalam puisi *Ke Makam Bonda* adalah nilai redha manakala puisi *Jiwa Hamba* adalah nilai keadilan. Aspek didaktik berdasarkan puisi *Ke Makam Bonda* adalah redha dengan kematian ibu yang tercinta kerana kematian itu adalah perkara yang tidak dapat dihindarkan. Dalam konteks ini, nilai redha yang diketengahkan adalah redha menerima hukum Allah S.W.T. Menurut Kamarul Azami Mohd Zaini (2010), menyatakan redha dengan hukum Allah S.W.T adalah merupakan manifestasi daripada kesempurnaan iman, kemuliaan takwa, dan kepatuhan kepatuhan kepada Allah S.W.T kerana menerima peraturan-peraturan itu dengan senang hati dan tidak merasa terpaksa dan dipaksa. Puisi

*Ke Makam Bonda* menampilkan perilaku golongan anak yang bersikap redha dengan pemergian ibunya, meskipun terasa pilu dihati namun kepiluan itu dirawat dan disalurkan dengan baik dengan melakukan perkara-perkara yang terpuji seperti menziarahi perkuburan, membersihkan perkuburan, dan mendoakan kesejahteraan ibunya di alam kubur. Manakala puisi *Jiwa Hamba* pula berlainan aspek didaktik yang menjadi tunjang kepada identiti puisi tersebut iaitu nilai keadilan. Nilai keadilan ini adalah matlamat utama yang diinginkan dalam puisi *Jiwa Hamba* iaitu mereka menginginkan keadilan untuk diri supaya boleh hidup bebas tanpa ditakluk oleh sesiapa sahaja. Hidup mereka yang berjiwa hamba adalah golongan yang tidak mendapatkan keadilan dalam hidup dan seharusnya berusaha untuk menuntut hak keadilan untuk diri sendiri supaya dapat menikmati kehidupan sebagai manusia yang lebih sempurna.

Selain itu, perbezaan berdasarkan aspek didaktik yang terkandung dalam puisi *Ke Makam Bonda* adalah nilai etika manakala puisi *Jiwa Hamba* adalah nilai keberanian. Aspek didaktik berdasarkan puisi *Ke Makam Bonda* adalah nilai etika seseorang terhadap ibunya yang telah meninggal dunia. Menurut Zaharah Hassan, Abu Daud Silong Abu Daud dan Nazri Muslim (2009), memberi penegasan bahawa etika merupakan keupayaan seseorang manusia dalam membezakan perkara yang betul dan salah berdasarkan pertimbangan pemikiran dan akhirnya melakukan perkara yang betul. Seseorang anak seharusnya mempunyai nilai etika apabila menziarahi perkuburan ibu dengan memastikan diri tidak melakukan perkara yang negatif seperti membuat bising sebaliknya melakukan hal-hal untuk kebaikan seperti membersihkan perkuburan, menegakkan batu nisan perkuburan, menyirami tanah perkuburan dengan air mawar dan mendoakan kesejahteraan ibu. Ianya membuktikan seseorang anak itu mengasihi ibunya dengan mempunyai nilai etika dalam diri. Manakala puisi *Jiwa Hamba* pula mendedahkan mengenai aspek didaktik melalui nilai keberanian. Menurut Mohd Firdaus Che Yaacob (2015), maksud nilai

keberanian ialah manusia yang memiliki kesanggupan untuk mengharungi setiap dugaan dan cabaran yang yakin, tabah dan cekal hati serta bermati-matian berjuang walaupun menanggung risiko. Keberanian membawa erti yang menggambarkan mengenai usaha seseorang untuk mendapatkan apa yang dikehendaki walaupun terpaksa menempuh onak dan duri dalam proses untuk menggapainya. Puisi *Jiwa Hamba* mewarkan-warkan bahawa khalayak masyarakat yang berjiwa hamba perlulah untuk berani untuk membebaskan diri daripada belenggu penjajahan kerana nilai keberanian itu yang akan memberikan impak yang positif kepada kehidupan mereka. Hal ini dikatakan demikian kerana nilai keberanian itu dapat memberikan kemerdekaan iaitu membebaskan diri daripada belenggu kejahilan. Jelaslah bahawa, nilai etika dan nilai keberanian merupakan perbezaan berdasarkan aspek didaktik yang terkandung dalam puisi *Ke Makam Bonda* dan *Jiwa Hamba*.

Seterusnya, perbezaan berdasarkan aspek didaktik yang terkandung dalam puisi *Ke Makam Bonda* adalah nilai hormat-menghormati manakala puisi *Jiwa Hamba* adalah nilai kebebasan. Aspek didaktik berdasarkan puisi *Ke Makam Bonda* adalah nilai hormat-menghormati terhadap ibu yang telah meninggal dunia. Menurut Atiqah Noor (2019), menyatakan hormat-menghormati ialah menghargai seseorang dengan memberikan layanan yang sopan. Puisi *Ke Makam Bonda* memerihalkan mengenai perlunya sikap seseorang anak yang menghormati ibunya yang telah meninggal dunia dengan menghargai pemergiaannya dengan melakukan perkara dengan baik. Misalnya, seseorang anak haruslah menziarahi perkuburan ibunya dengan mengamalkan adab yang baik. Peranan anak yang unggul untuk menghormati pengorbanan ibunya semasa beliau hidup dan sentiasa mengingati kasih mesra itu setelah ibunya meninggal dunia adalah perihal yang mulia. Manakala puisi *Jiwa Hamba* pula mendedahkan mengenai aspek didaktik melalui nilai kebebasan. Menurut Mohd Firdaus che Yaacob (2015), menyatakan maksud nilai kebebasan ialah suatu yang merangkumi tentang peraturan dan undang-



undang yang ditentukan oleh agama, masyarakat dan negara, minda dan hati budi yang tidak terbeban oleh perjajahan oleh pihak asing melalui fizikal, mental, emosional dan intelektual. Puisi *Jiwa Hamba* mengkritik jelas khalayak masyarakat yang berjiwa hamba dan tertakluk dengan perjajahan pihak asing. Usman Awang berpandangan di dalam puisi *Jiwa Hamba* bahawa khalayak masyarakat perlu berusaha untuk keluar daripada kepompong penindasan dan perjajahan asing kerana setiap manusia mempunyai hak yang sama rata untuk hidup bebas dan aman damai.

Di samping itu, perbezaan berdasarkan aspek didaktik yang terkandung dalam puisi *Ke Makam Bonda* adalah nilai peribadi mulia manakala puisi *Jiwa Hamba* adalah nilai jati diri. Aspek didaktik berdasarkan puisi *Ke Makam Bonda* adalah memiliki nilai peribadi mulia. Perlakuan yang baik mencerminkan peribadi diri yang baik. Puisi *Ke Makam Bonda* memperlihatkan sifat peribadi diri seorang anak yang baik dimana apabila mengunjungi perkuburan bonda tercinta, mereka membersihkan lalang-lalang di perkuburan tersebut supaya kawasan perkuburan bonda berada dalam keadaan yang bersih. Manakala puisi *Jiwa Hamba* pula mendedahkan mengenai aspek didaktik melalui nilai jati diri. Menurut Yirmi (2016), jati diri membawa pengertian sifat atau ciri yang unik dan istimewa yang menjadi teras dan lambang keperibadian seseorang individu, bangsa, dan negara. Seseorang manusia yang memiliki jati diri tergolong dalam kalangan yang baik dimana memiliki nilai moral. Puisi *Jiwa Hamba* memberikan kesan daripada aspek didaktik kepada khalayak supaya memiliki jati diri dalam memastikan diri, bangsa, dan negara tidak terjajah lagi oleh orang asing.

Akhir sekali, perbezaan berdasarkan aspek didaktik yang terkandung dalam puisi *Ke Makam Bonda* adalah nilai kerjasama manakala puisi *Jiwa Hamba* adalah nilai berwaspada. Aspek didaktik berdasarkan puisi *Ke Makam Bonda* adalah nilai kerjasama.

Menurut Mohd Firdaus Che Yaacob (2015), maksud nilai kerjasama ialah tindakan yang dilakukan secara bersama-sama pada peringkat individu, dalam kalangan masyarakat dan negara, komuniti dalam usaha menjalankan sesuatu aktiviti kemasyarakatan yang memberi faedah dan kepentingan untuk semua. Sikap bekerjasama dalam menjalankan sesuatu urusan dapat memberikan impak yang baik dan lebih pantas daripada melakukan urusan tersebut secara bersendirian. Puisi *Ke Makam Bonda* menampilkan aspek didaktik melalui nilai kerjasama yang dilakukan oleh golongan anak-anak kepada ibu yang telah meninggal dunia. Penggunaan perkataan 'kami' dalam puisi *Ke Makam Bonda* menggambarkan anaknya bersama adik-beradiknya untuk menziarahi perkuburan ibunya dan melakukan aktiviti di sana bersama-sama seperti menegakkan batu nisan, membuang lalang-lalang, berdoa, dan menyiram air mawar bersama-sama di perkuburan ibunya yang tercinta. Manakala aspek didaktik berdasarkan puisi *Jiwa Hamba* pula berbeza dengan puisi *Ke Makam Bonda* iaitu nilai berwaspada. Nilai berwaspada yang terkandung dalam puisi *Jiwa hamba* adalah tanda ingatan untuk menjadi insan yang lebih berwaspada dalam penjajahan kolonial baharu. Persediaan daripada fizikal dan mental itu penting supaya diri tidak mudah terpengaruh dan tunduk dengan golongan yang ingin menjajah diri, agama, bangsa dan negara. Benarlah bahawa, terdapat perbezaan berdasarkan aspek didaktik yang terkandung dalam puisi *Ke Makam Bonda* iaitu nilai kerjasama manakala puisi *Jiwa Hamba* iaitu nilai berwaspada.

### **4.3 Bentuk Pemikiran Dalam Puisi *Ke Makam Bonda Dan Jiwa Hamba***

Konsep pemikiran merupakan satu proses dalam membentuk otak manusia untuk membina ilmu serta memahami kefahaman yang melibatkan aktiviti mental. Menurut Dewey (1920) telah menyatakan bahawa pemikiran merupakan satu aktiviti mental dalam sesebuah proses untuk merungkaikan sesebuah masalah yang telah dihadapi. Pemikiran juga merupakan sesuatu jenis kebolehan atau keupayaan.

Kajian semiotik digunakan untuk mengetahui suatu makna yang terkandung dalam puisi agar pesan penyair tersebut kepada pembaca dapat disampaikan dengan baik. Kajian yang berdasarkan teori semiotik ini dapat dibahagikan kepada beberapa bahagian yang telah dibincangkan dalam kajian ini seperti unsur semiotik dalam bentuk pemikiran yang menandai bentuk simbol. Menurut Sobur (2003), simbol adalah merupakan suatu tanda yang menampilkan hubungan kait yang alamiah di antara penanda serta petandanya.

#### **4.3.1 Bentuk Pemikiran Yang Terdapat Dalam Puisi *Ke Makam Bonda***

Puisi *Ke Makam Bonda* adalah merupakan satu hasil karya sasterawan negara iaitu Usman Awang yang mengisahkan tentang sekumpulan anak yang telah mengunjungi pusara bonda mereka yang telah lama meninggal dunia. Keadaan di sekitar pusara sunyi sepi ketika mereka mengunjungi pusara bonda mereka. Puisi ini jelas menunjukkan tentang pemikiran penyajak bahawa pengorbanan seorang ibu sewaktu melahirkan anak-anaknya dan kasih sayang yang menghangatkan yang dicurahkan kepada anak-anaknya tiada tolak bandingnya. Dalam puisi *Ke Makam Bonda* terkandung beberapa pemikiran yang terdapat seperti :

<b>Bil</b>	<b>Rangkap Dan Baris Puisi</b>	<b>Simbol</b>	<b>Maksud</b>
1	Rangkap 1 Baris 1	<i>pusara</i>	Kata 'pusara' kepada maksud yang menandakan kuburan.
2	Rangkap 1 Baris 2	<i>sunyi</i>	Kata 'sunyi' kepada maksud yang menandakan tidak kedengaran bunyi.
3	Rangkap 2 Baris 3	<i>nisan</i>	Kata 'nisan' merujuk kepada maksud yang menandakan batu tanda yang ada pada kubur.
4	Rangkap 5 Baris 3	<i>doa</i>	Kata 'doa' merujuk kepada maksud yang menandakan panggilan atau meminta pertolongan kepada Tuhan.
5	Rangkap 5 Baris 4	<i>air mawar</i>	Kata 'air mawar' merujuk kepada maksud yang menandakan sejenis air yang merendam kelopak bunga mawar untuk disirami di atas kubur.
6	Rangkap 7 Baris 3	<i>kasih bonda</i>	Kata 'kasih bonda' merujuk kepada maksud yang menandakan rasa sayang seorang ibu terhadap anak-anaknya.
7	Rangkap 7 Baris 4	<i>murni</i>	Kata 'murni' merujuk kepada maksud yang menandakan bersih atau suci.

Jadual 4.3.1.3 Simbol

Berdasarkan pembahagian yang telah dibahagikan dalam jadual tersebut, jelas menunjukkan bahawa unsur semiotik dalam bentuk pemikiran yang menandai bentuk simbol ini mempunyai unsur instrinsik yang memberikan makna yang jelas kepada pembaca dan unsur ekstrinsik yang memberikan makna tersurat dalam menyampaikan pengajaran dan nasihat kepada pembacanya.

Pada rangkap pertama baris pertama telah menunjukkan simbol pusara yang menandakan sebagai kuburan, rangkap kedua baris ketiga telah menunjukkan simbol nisan yang menandakan kepada batu tanda yang ada pada kuburan serta rangkap kelima baris keempat telah menunjukkan air mawar yang menandakan sejenis air yang merendam kelopak bunga mawar untuk disirami di atas kubur. Unsur instrinsik disini dilihat daripada simbol pusara, nisan dan air mawar yang membawa kepada kata konkrit yang menunjukkan sebagai satu perkara yang dapat dilihat serta disentuh. Dalam puisi *Ke Makam Bonda*, menunjukkan bahawa ketiga-tiga simbol ini jelas memberikan makna bahawa sosok seorang ibu yang telah lama meninggal dunia dan anaknya datang melawat ibu mereka tanda kasih sayang yang masih kekal berpanjangan kerana curahan kasih sayang seorang ibu yang tiada nilainya.

Selain itu, rangkap pertama baris kedua yang telah menunjukkan simbol sunyi yang menandakan sebagai tanda tidak kedengaran bunyi, rangkap kelima baris ketiga menunjukkan simbol doa yang menandakan panggilan atau meminta pertolongan kepada Tuhan, rangkap ketujuh baris ketiga telah menunjukkan simbol kasih bonda sebagai menandakan rasa sayang seorang ibu terhadap anak-anaknya dan akhir sekali pada rangkap ketujuh baris keempat yang telah menunjukkan simbol murni sebagai menandakan kata bersih atau suci. Simbol-simbol ini memberikan makna bahawa sesuatu yang tidak dapat dilihat namun mempunyai makna yang besar sehingga ianya membawa

kepada sesuatu yang mempunyai nilai yang besar. Dalam unsur instrinsik, simbol-simbol ini memberikan makna diksi yang mempunyai unsur-unsur puisi yang menekankan kepada pemilihan kata yang digunakan sebagai tanda simbol yang penting dalam menyampaikan rasa suasana kepada pembacanya.

Akhir sekali, jelas terbukti bahawa pemikiran yang terdapat dalam puisi *Ke Makam Bonda* ini memiliki unsur semiotik yang mampu dijelaskan dengan baik dan mudah difahami kerana puisi ini memiliki makna yang tersirat dalam menyampaikan pengajaran serta nilai kepada masyarakat. Sajak ini menyampaikan pesanan kepada masyarakat bahawa sentiasa mengenang jasa ibu dan pengorbanan yang telah dilakukan demi membesarkan anak-anaknya dari kecil hinggalah dewasa kerana nilai tersebut adalah sangat besar di sisi Tuhan. Dalam puisi ini, pembaca dapat melihat isi hati penyajak di mana penyajak mengenangkan jasa dan pengorbanan ibunya yang telah melahirkan dan membesarkannya dengan penuh kasih sayang.

#### **4.3.2 Bentuk Pemikiran Yang Terdapat Dalam Puisi *Jiwa Hamba***

Puisi *Jiwa Hamba* merupakan sebuah puisi yang ditulis oleh Sasterawan Negara Usman Awang yang memberikan maksud walaupun masyarakat sudah merdeka, namun masyarakat masih dilakukan sebagai hamba dan mereka membiarkan diri mereka ditindas. Generasi demi generasi tetap tidak mampu untuk melepaskan diri daripada kecelakaan para pemimpin yang membohongi rakyatnya. Puisi Usman Awang ini menyuarakan perihal bahawa jiwa masyarakat adalah jiwa yang merdeka dan bukannya jiwa yang bersifat hamba. Oleh sebab itu, terdapat beberapa bentuk pemikiran yang terdapat dalam puisi *Jiwa Hamba* dengan pengaplikasian teori semiotik seperti:

Bil	Rangkap Dan Baris Puisi	Simbol	Maksud
1	Rangkap 1 Baris 2	<i>penghuni</i>	Kata 'penghuni' merujuk kepada maksud yang menandakan orang yang mendiami sesebuah rumah.
2	Rangkap 2 Baris 3	<i>hamba</i>	Kata 'hamba' merujuk kepada maksud kata ganti diri yang merujuk saya atau abdi atau membawa maksud kepada pembantu.
3	Rangkap 3 Baris 1	<i>merdeka</i>	Kata 'merdeka' merujuk kepada maksud kebebasan daripada penjajahan.
4	Rangkap 4 Baris 1	<i>kata sakti</i>	Kata 'kata sakti' merujuk kepada maksud kepada kesaktian kuasa yang di luar kemampuan manusia yang biasa.
5	Rangkap 4 Baris 2	<i>bahang</i>	Kata 'bahang' merujuk kepada maksud hawa panas atau kehangatan.

Jadual 4.3.2.3 Simbol

Berdasarkan pembahagian yang telah dibahagikan dalam jadual tersebut, menunjukkan bahawa unsur semiotik dalam bentuk pemikiran yang menandai bentuk simbol ini juga terdapat dalam puisi *Jiwa Hamba* ini mempunyai unsur instrinsik serta unsur ekstrinsik yang memberikan makna tersurat dan makna yang jelas pembaca dalam menyampaikan pengajaran dan nasihat kepada pembacanya.

Pada rangkap pertama baris kedua membawa kepada simbol penghuni yang menandakan orang yang mendiami sesebuah rumah dan pada rangkap kedua baris ketiga pula membawa kepada simbol hamba yang merujuk kepada ganti diri saya atau abdi atau pembantu. Oleh sebab itu, simbol-simbol yang telah dinyatakan, merupakan satu simbol yang menjurus kepada satu kata yang sama iaitu membawa kepada diri manusia yang sentiasa mempunyai kata ganti diri sebagai penghuni mahupun hamba. Dalam *puisi Jiwa Hamba* ini, unsur instrinsik jelas terlihat melalui kedua-dua simbol tersebut kerana mempunyai amanat atau tujuan yang merupakan unsur yang cuba untuk menyampaikan pesanan kepada pembaca.

Seterusnya, pada rangkap ketiga baris pertama yang membawa kepada simbol merdeka yang merujuk kepada kebebasan daripada penjajahan, rangkap keempat baris pertama yang merujuk kepada simbol kata sakti yang membawa kepada maksud kesaktian kuasa yang di luar kemampuan manusia biasa dan pada rangkap keempat baris kedua iaitu simbol bahang yang merujuk kepada maksud hawa panas atau kehangatan. Ketiga-tiga simbol ini memberikan makna dalam melontarkan sesuatu yang dapat dilihat dan dirasa namun tidak dapat disentuh. Unsur instrinsik diantara ketiga-tiga simbol tersebut menunjukkan bahawa penyajak ingin menyampaikan perasaan keghairahan yang kuat terhadap menolak penjajahan berlaku kembali sama seperti masa dahulu. Melalui simbol-simbol tersebut juga, jelas pembaca dapat menyimpulkan bahawa tema yang disampaikan oleh penyajak adalah tentang kebebasan negara agar maju dan tidak dijajah kembali.

Akhir sekali, jelas terbukti bahawa pemikiran yang terdapat dalam puisi *Jiwa Hamba* adalah Usman Awang dilihat cuba untuk menyeru agar masyarakat Melayu membebaskan jiwa mereka daripada dijajah kembali oleh kuasa-kuasa daripada luar negara. Selain itu, sajak ini juga banyak menyampaikan unsur ekstrinsik dimana banyak unsur nilai dan unsur



masyarakat yang telah diperlihatkan kepada pembaca agar sentiasa mempunyai semangat cinta akan negara dan sentiasa menjadi masyarakat yang memajukan negara. Kata penyajak ini merupakan satu usaha untuk mengembalikan kedaulatan bangsa agar sentiasa membebaskan jiwa daripada dibelenggu penjajahan dan membuang sikap serta paradigma yang menyekat kemajuan diri masyarakat.




UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

#### 4.4 Kesan Didaktik Yang Diperolehi Daripada Puisi Usman Awang Dalam Membentuk Pola Pemikiran Masyarakat

Dalam kajian ini, soal selidik terhadap kajian kontradiksi aspek didaktik dalam puisi terpilih Usman Awang menggunakan aplikasi daripada kajian teori semiotik telah dijalankan untuk mengetahui dengan lebih jelas akan kefahaman dan pemikiran masyarakat terhadap puisi-puisi terpilih Usman Awang. Dalam memperolehi dapatan kajian ini, pemikiran masyarakat ini dianalisis berdasarkan beberapa kaedah metodologi seperti pengedaran dan pengisian soal selidik *Google Form* yang meliputi beberapa soalan berkaitan dengan kajian yang telah dijalankan. Untuk mengkaji persepsi mengenai kontradiksi aspek didaktik dalam puisi terpilih Usman Awang dengan pengaplikasian daripada kajian teori semiotik, seramai 15 orang responden yang terdiri daripada pelajar elektif Sastera Warisan kohort C18 daripada UMK. Analisis responden melibatkan aspek jantina, bangsa dan soalan-soalan yang telah dirumuskan dalam bentuk carta pai. Pada bahagian soalan akan diberikan skala daripada 1 hingga 5 yang mempunyai skor nilai seperti yang berikut:

Skala	1	2	3	4	5
Skor Nilai	Amat Tidak Bersetuju	Tidak Bersetuju	Tidak Pasti	Bersetuju	Sangat Bersetuju

### 4.3.1 Analisis Jantina




**Rajah 4.3.1 : Analisis Jantina**

Jantina	Jumlah (Responden)	Peratus (%)
Lelaki	9	60%
Perempuan	6	40%

**Jadual 4.3.1 : Analisis Jantina**

Hasil daripada kajian telah menunjukkan bahawa seramai 15 orang responden yang terdiri daripada 9 orang responden lelaki (60%) dan 6 orang responden perempuan (40%) menjawab soal selidik terhadap kajian kontradiksi aspek didaktik dalam puisi terpilih Usman Awang dengan pengaplikasian kajian teori semiotik untuk mengetahui dengan lebih jelas akan kefahaman dan pemikiran masyarakat terhadap puisi-puisi terpilih Usman Awang.

### 4.3.2 Analisis Bangsa



**Rajah 4.3.2 : Analisis Bangsa**


Bangsa	Jumlah (Responden)	Peratus (%)
Melayu	6	40%
India	2	13.3%
Cina	0	0%
Lain-lain	7	46.7%

**Jadual 4.3.2 : Analisis Bangsa**

Hasil dapatan kajian memperolehi bahawa 15 orang responden yang mengisi soal selidik, seramai 6 orang responden (40%) adalah terdiri daripada bangsa Melayu, seramai 2 orang responden (13.3%) daripada bangsa India dan 7 orang responden (46.7%) daripada bangsa yang lain. Manakala 0 orang responden (0%) daripada bangsa Cina. Responden yang berbeza dari segi bangsa ini dapat menunjukkan cara pandangan dan pemikiran masyarakat berbeza antara satu sama lain.

### 4.3.3 Analisis Puisi Ke Makam Bonda Dalam Sikap Bertanggungjawab Dan Menghormati Merupakan Perkara Yang Dituntut Kepada Seorang Anak Terhadap Ibu

Sikap bertanggungjawab dan menghormati merupakan perkara yang dituntut kepada seorang anak terhadap ibu.  
15 responses



**Rajah 4.3.3 : Sikap Bertanggungjawab Dan Menghormati Merupakan Perkara Yang Dituntut Kepada Seorang Anak Terhadap Ibu**

Skala	Jumlah (Responden)	Peratus (%)
1	0	0%
2	0	0%
3	0	0%
4	3	20%
5	12	80%


**Jadual 4.3.3 : Sikap Bertanggungjawab Dan Menghormati Merupakan Perkara Yang Dituntut Kepada Seorang Anak Terhadap Ibu**

Hasil dapatan kajian dalam jadual tersebut menunjukkan soalan mengenai sikap bertanggungjawab dan menghormati merupakan perkara yang dituntut kepada seorang anak terhadap ibu. Terdapat seramai 3 orang responden (20%) yang bersetuju (4) dan 12 orang responden (80%) yang sangat bersetuju (5) agar seorang anak haruslah mengamalkan sikap bertanggungjawab dan menghormati ibu mereka sama ada masih hidup ataupun yang telah meninggalkan dunia. Manakala tiada orang responden (0%) yang memilih skala antara 1 hingga 3 dalam soal selidik ini.

#### 4.3.4 Analisis Puisi *Ke Makam Bonda* Dalam Perilaku Menziarahi Perkuburan Ibu Dan Membersihkan Kawasan Yang Semak Atau Kotor Di Perkarangan Perkuburan Ibu Merupakan Tanggungjawab Anak

Perilaku menziarahi perkuburan ibu dan membersihkan kawasan yang semak atau kotor di perkarangan perkuburan ibu merupakan tanggungjawab anak.

15 responses



**Rajah 4.3.4 : Perilaku menziarahi perkuburan ibu dan membersihkan kawasan yang semak atau kotor di perkarangan perkuburan ibu merupakan tanggungjawab anak**


Skala	Jumlah (Responden)	Peratus (%)
1	0	0%
2	0	0%
3	0	0%
4	6	40%
5	9	60%

**Jadual 4.3.4 : Perilaku menziarahi perkuburan ibu dan membersihkan kawasan yang semak atau kotor di perkarangan perkuburan ibu merupakan tanggungjawab anak**

Hasil soal selidik menunjukkan bahawa soalan perilaku menziarahi perkuburan ibu dan membersihkan kawasan yang semak atau kotor di perkarangan perkuburan ibu merupakan tanggungjawab anak bagi responden yang memilih pada skala 4 adalah sebanyak 6 orang responden bersamaan dengan 40% dan responden yang memilih pada skala 5 adalah sebanyak 9 orang responden bersamaan dengan 60%. Ini menunjukkan bahawa masyarakat sangat bersetuju bahawa seorang anak bertanggungjawab dalam membersihkan kawasan perkarangan perkuburan ibu mereka ketika menziarah sebagai satu tanda perilaku yang baik dan sopan.

#### 4.3.5 Analisis Puisi *Ke Makam Bonda* Dalam Seseorang Anak Perlulah Berdoa Akan Kesejahteraan Ibunya Walaupun Sudah Meninggal Dunia Di Mana Pun Anak Itu Berada

Seseorang anak perlulah berdoa akan kesejahteraan ibunya walaupun sudah meninggal dunia di mana pun anak itu berada.  
15 responses



**Rajah 4.3.5 : Seseorang Anak Perlulah Berdoa Akan Kesejahteraan Ibunya Walaupun Sudah Meninggal Dunia Di Mana Pun Anak Itu Berada**

Skala	Jumlah (Responden)	Peratus (%)
1	0	0%
2	0	0%
3	0	0%
4	6	40%
5	9	60%


**Jadual 4.3.5 : Seseorang Anak Perlulah Berdoa Akan Kesejahteraan Ibunya Walaupun Sudah Meninggal Dunia Di Mana Pun Anak Itu Berada**



Selain itu, analisis daripada soal selidik seseorang anak perlulah berdoa akan kesejahteraan ibunya walaupun sudah meninggal dunia di mana pun anak itu berada bagi responden yang memilih pada skala 4 adalah sebanyak 6 orang responden bersamaan dengan 40% dan responden yang memilih pada skala 5 adalah sebanyak 9 orang responden bersamaan dengan 60%. Maka daripada itu, puisi ini jelas memberikan kefahaman kepada masyarakat bahawa seseorang anak itu hendaklah sentiasa mendoakan kesejahteraan dan kesihatan ibu mereka sama ada ibu mereka masih hidup atau telah meninggalkan dunia kerana amalan memberikan doa adalah satu amalan yang menampilkan nilai kasih sayang seorang anak terhadap ibu mereka.

#### 4.3.6 Analisis Puisi *Ke Makam Bonda* Dalam Segala Jasa Yang Diberikan Oleh Seseorang Anak Tidak Dapat Membalas Jasa Seorang Ibu Terutamanya Pengorbanannya Untuk Melahirkan Anak Ke Dunia

Segala jasa yang diberikan oleh seseorang anak tidak dapat membalas jasa seorang ibu terutamanya pengorbanannya untuk melahirkan anak ke dunia.  
15 responses



**Rajah 4.3.6 : Segala Jasa Yang Diberikan Oleh Seseorang Anak Tidak Dapat Membalas Jasa Seorang Ibu Terutamanya Pengorbanannya Untuk Melahirkan Anak Ke Dunia**


Skala	Jumlah (Responden)	Peratus (%)
1	0	0%
2	0	0%
3	0	0%
4	6	40%
5	9	60%

**Jadual 4.3.6 : Segala Jasa Yang Diberikan Oleh Seseorang Anak Tidak Dapat Membalas Jasa Seorang Ibu Terutamanya Pengorbanannya Untuk Melahirkan Anak Ke Dunia**

Hasil soal selidik menunjukkan bahawa segala jasa yang diberikan oleh seseorang anak tidak dapat membalas jasa seorang ibu terutamanya pengorbanannya untuk melahirkan anak ke dunia. Seramai 6 orang responden bersamaan dengan 40% responden yang memilih pada skala 4 iaitu bersetuju dan sebanyak 9 orang responden bersamaan dengan 60% telah memilih pada skala 5 iaitu sangat bersetuju. Pengorbanan seorang ibu tidak dapat disangkal lagi kerana ianya merupakan satu pengorbanan yang mempertaruhkan nyawa demi kelangsungan hidup anaknya. Sikap sedemikian merupakan satu sikap yang sangat besar dan pengorbanan yang tidak terhitung nilainya dengan segala jasa yang diberikan oleh seorang anak kerana curahan kasih sayang ibu merupakan satu nilai suci yang mempunyai tempat yang istimewa di sisi Tuhan.

**4.3.7 Analisis Puisi Ke Makam Bonda Dalam Pada Pandangan Anda, Adakah Puisi Ke Makam Bonda Dapat Memberikan Kesedaran Kepada Anda Untuk Menjadi Seorang Anak Yang Lebih Cakna Akan Ibu Anda?**

Pada pandangan anda, adakah puisi Ke Makam Bonda dapat memberikan kesedaran kepada anda untuk menjadi seorang anak yang lebih cakna akan ibu anda?  
15 responses



**Rajah 4.3.7 : Pandangan Responden Tentang Adakah Puisi Ke Makam Bonda Dapat Memberikan Kesedaran Kepada Mereka Untuk Menjadi Seorang Anak Yang Lebih Cakna Akan Ibu Mereka?**


Skala	Jumlah (Responden)	Peratus (%)
1	0	0%
2	0	0%
3	2	13.3%
4	5	33.3%
5	8	53.3%

**Jadual 4.3.7 : Pandangan Responden Tentang Adakah Puisi Ke Makam Bonda Dapat Memberikan Kesedaran Kepada Mereka Untuk Menjadi Seorang Anak Yang Lebih Cakna Akan Ibu Mereka?**

Akhir sekali, hasil pandangan responden tentang puisi *Ke Makam Bonda* sama ada dapat memberikan kesedaran kepada mereka untuk menjadi seorang anak yang lebih cakna akan ibu mereka. Bagi responden yang memilih pada skala 3 adalah sebanyak 2 orang responden (13.3%) yang tidak pasti, sebanyak 5 orang responden (33.3%) dan sebanyak 8 orang responden (53.3%) yang masing-masing memilih pada skala 4 (bersetuju) dan 5 (sangat bersetuju) pada bahagian ini. Ini telah memberikan simpulan bahawa masyarakat jelas akan tanggungjawab seorang anak terhadap ibunya yang telah meninggal dunia melalui puisi *Ke Makam Bonda* ini.

#### 4.3.8 Analisis Puisi *Jiwa Hamba* Dalam Memberikan Kesedaran Untuk Membentuk Diri Menjadi Bangsa Yang Bermaruah Dan Berdaulat

Puisi Jiwa Hamba memberikan kesedaran untuk membentuk diri menjadi bangsa yang bermaruah dan berdaulat.  
15 responses



**Rajah 4.3.8 Puisi Jiwa Hamba Memberikan Kesedaran Untuk Membentuk Diri Menjadi Bangsa Yang Bermaruah Dan Berdaulat**

Skala	Jumlah (Responden)	Peratus (%)
1	0	0%
2	0	0%
3	0	0%
4	4	26.7%
5	11	73.3%


**Jadual 4.3.8 Puisi Jiwa Hamba Memberikan Kesedaran Untuk Membentuk Diri Menjadi Bangsa Yang Bermaruah Dan Berdaulat**

Berdasarkan carta pai yang telah dijalankan, analisis puisi *Jiwa Hamba* dapat memberikan kesedaran untuk membentuk diri menjadi bangsa yang bermaruah dan berdaulat telah menunjukkan bahawa seramai 4 orang responden atau 26.7 % yang telah memilih bersetuju dan 11 orang responden atau 73.3% yang telah memilih sangat bersetuju bahawa puisi ini mampu memberikan kesedaran kepada masyarakat dalam membentuk jati diri mereka untuk sentiasa menjadi bangsa yang bermaruah dan berdaulat.

#### 4.3.9 Analisis Puisi *Jiwa Hamba* Dalam Kemerdekaan Tidak Akan Berjaya Dikecapi Sekiranya Tiada Golongan Yang Bertindak Untuk Membebaskan Diri Daripada Menjadi Bangsa Terjajah

Kemerdekaan tidak akan berjaya dikecapi sekiranya tiada golongan yang bertindak untuk membebaskan diri daripada menjadi bangsa terjajah.

15 responses



**Rajah 4.3.9 Kemerdekaan Tidak Akan Berjaya Dikecapi Sekiranya Tiada Golongan Yang Bertindak Untuk Membebaskan Diri Daripada Menjadi Bangsa Terjajah**


Skala	Jumlah (Responden)	Peratus (%)
1	0	0%
2	0	0%
3	0	0%
4	5	33.3%
5	10	66.7%

**Jadual 4.3.9 Kemerdekaan Tidak Akan Berjaya Dikecapi Sekiranya Tiada Golongan Yang Bertindak Untuk Membebaskan Diri Daripada Menjadi Bangsa Terjajah**

Soalan soal selidik yang kedua adalah kemerdekaan tidak akan berjaya dikecapi sekiranya tiada golongan yang bertindak untuk membebaskan diri daripada menjadi bangsa terjajah. Hasil dapatan yang diperolehi menunjukkan bahawa 15 orang responden memilih setuju dan sangat bersetuju iaitu sebanyak 5 orang responden (33.3%) dan sebanyak 10 orang responden (66.7%) menyatakan bahawa puisi *Jiwa Hamba* dapat memberikan mereka satu pengetahuan yang baharu bahawa setiap masyarakat hendaklah membentuk bangsa yang kukuh dan mempunyai nilai mutu yang tinggi dalam semangat akan kecintaan negara agar dapat membebaskan kemerdekaan yang berpanjangan.

#### 4.3.10 Analisis Puisi *Jiwa Hamba* Dalam Jati Diri Merupakan Perkara Yang Penting Dalam Memastikan Diri, Agama, Bangsa, Dan Negara Dapat Terus Bebas Daripada Terjajah Oleh Anasir-Anasir Negatif

Jati diri merupakan perkara yang penting dalam memastikan diri, agama, bangsa, dan negara dapat terus bebas daripada terjajah oleh anasir-anasir negatif.  
15 responses



**Rajah 4.3.10 Jati Diri Merupakan Perkara Yang Penting Dalam Memastikan Diri, Agama, Bangsa, Dan Negara Dapat Terus Bebas Daripada Terjajah Oleh Anasir-Anasir Negatif**

Skala	Jumlah (Responden)	Peratus (%)
1	0	0%
2	0	0%
3	0	0%
4	3	20%
5	12	80%

**Jadual 4.3.10 Jati Diri Merupakan Perkara Yang Penting Dalam Memastikan Diri, Agama, Bangsa, Dan Negara Dapat Terus Bebas Daripada Terjajah Oleh Anasir-Anasir Negatif**


Hasil dapatan kajian berdasarkan carta pai puisi *Jiwa Hamba* dalam jati diri merupakan perkara yang penting dalam memastikan diri, agama, bangsa, dan negara dapat terus bebas daripada terjajah oleh anasir-anasir negatif menunjukkan keberkesanan puisi ini dalam memberikan kesedaran kepada masyarakat. Sebanyak 3 orang responden atau 20% yang memilih bersetuju dan 12 orang responden atau 80% yang memilih sangat bersetuju. Hal ini demikian kerana jati diri merupakan satu bentuk tunjang dalam asas diri seseorang masyarakat agar mereka dipenuhi dengan nilai-nilai moral yang dapat menjadikan diri mereka lebih ke arah kemanusiaan untuk bebas daripada anasir-anasir kejahatan yang telah berlaku.



#### 4.3.11 Analisis Puisi *Jiwa Hamba* Dalam Adakah Teguran Dalam Puisi *Jiwa Hamba* Yang Bersifat Halus Sebegini Memberikan Kesan Yang Lebih Mendalam Kepada Anda Untuk Terus Menjaga Kedamaian Negara Malaysia?

Adakah teguran dalam puisi *Jiwa Hamba* yang bersifat halus sebegini memberikan kesan yang lebih mendalam kepada anda untuk terus menjaga kedamaian negara Malaysia?

15 responses



**Rajah 4.3.11 Adakah Teguran Dalam Puisi *Jiwa Hamba* Yang Bersifat Halus Sebegini Memberikan Kesan Yang Lebih Mendalam Kepada Anda Untuk Terus Menjaga Kedamaian Negara Malaysia?**

Skala	Jumlah (Responden)	Peratus (%)
1	0	0%
2	0	0%
3	0	0%
4	3	20%
5	12	80%


**Jadual 4.3.11 Adakah Teguran Dalam Puisi *Jiwa Hamba* Yang Bersifat Halus Sebegini Memberikan Kesan Yang Lebih Mendalam Kepada Anda Untuk Terus Menjaga Kedamaian Negara Malaysia?**

Seterusnya, soal selidik mengenai teguran dalam puisi *Jiwa Hamba* yang bersifat halus sebegini dalam memberikan kesan yang lebih mendalam kepada mereka untuk terus menjaga kedamaian negara Malaysia. Hasil yang diperolehi adalah seramai 3 orang responden (20%) memilih bersetuju dan 12 orang responden memilih sangat bersetuju dalam soalan ini. Justeru itu, jelas dilihat bahawa kajian ini banyak memberikan makna tersurat dan tersirat kepada masyarakat untuk dijadikan pedoman kepada mereka untuk sentiasa berjuang dalam meneruskan kemerdekaan yang telah lama dicapai oleh nenek moyang pada zaman dahulu lagi. Puisi ini sangat memberikan pengajaran kepada generasi kini lebih-lebih lagi dalam proses pemilihan raya yang memerlukan seorang pemimpin negara yang bebas daripada korupsi penjenayah demi menjaga keamanan negara Malaysia.

#### 4.3.12 Analisis Puisi *Jiwa Hamba* Dalam Pada Pandangan Anda, Adakah Puisi *Jiwa Hamba* Memberikan Anda Kata-Kata Semangat Untuk Melakukan Perubahan Dalam Kehidupan?

Pada pandangan anda, adakah puisi Jiwa Hamba memberikan anda kata-kata semangat untuk melakukan perubahan dalam kehidupan?

15 responses



**Rajah 4.3.12 Pada Pandangan Responden, Adakah Puisi *Jiwa Hamba* Memberikan Mereka Kata-Kata Semangat Untuk Melakukan Perubahan Dalam Kehidupan?**

Skala	Jumlah (Responden)	Peratus (%)
1	0	0%
2	0	0%
3	2	13.3%
4	3	20%
5	10	66.7%

**Rajah 4.3.12 Pada Pandangan Responden, Adakah Puisi Jiwa Hamba Memberikan Mereka Kata-Kata Semangat Untuk Melakukan Perubahan Dalam Kehidupan?**

Akhir sekali, hasil tinjauan untuk memperolehi pandangan daripada responden tentang puisi *Jiwa Hamba* ini dapat memberikan mereka kata-kata semangat untuk melakukan perubahan dalam kehidupan. Seramai 2 orang responden atau 13.3% memilih untuk menjawab tidak pasti, 3 orang responden atau 20% menjawab bersetuju dan 10 orang responden atau 66.7% menjawab sangat bersetuju dalam persoalan ini. Maka, puisi *Jiwa Hamba* ini dapat dilihat mampu memberikan kata-kata pedoman atau semangat kepada mereka dalam melakukan sebuah perubahan agar negara terus cemerlang dan gemilang dengan kemudahan teknologi yang canggih dan sentiasa ke arah sesebuah negara yang maju.

#### 4.5 Rumusan

Kesimpulannya, teori semiotik sesuai diterapkan dalam mengkaji kontradiksi aspek didaktik melalui puisi terpilih Usman Awang kerana ianya mempunyai penuh makna yang tersurat dan tersirat dalam memberikan pengajaran kepada masyarakat. Setiap puisi yang dianalisis dengan menggunakan kajian semiotik ini, pembaca umumnya dapat membahagikan bahawa ianya mempunyai pemilihan kata dengan menggunakan ikon, indeks serta simbol untuk memberikan makna dalam sesebuah puisi tersebut. Oleh sebab itu, setiap persoalan yang terdapat dalam kajian ini dapat disimpulkan melalui pemahaman dan pemikiran yang menggunakan ideologi pengkaji untuk membentuk satu kajian yang bermutu.

## BAB 5

### PENUTUP

#### 5.1 Pengenalan

Bab ini merupakan bab yang terakhir dalam bahan kajian ini. Dalam bab ini, pengkaji telah merumuskan secara ringkas dapatan kajian yang telah dilaksanakan dalam bahagian bab-bab yang telah dikaji sebelumnya. Antaranya, pengkaji mengemukakan mengenai implikasi cadangan yang sewajarnya dikemukakan untuk refleksi dan panduan secara sejagat untuk kajian ini. Selain itu, pengkaji telah menggunakan dua buah pada puisi Usman Awang iaitu *Ke Makam Bonda* dan *Jiwa Hamba* dalam menerapkan bahagian perbincangan pada bab kali ini untuk merumuskan mengenai tahap keberkesanan persoalan dan objektif kajian ini.

Hasil daripada penelitian serta kefahaman terhadap kajian yang dijalankan ini, pengkaji dapat simpulkan bahawa kajian ini menilai bagaimana penerapan teori semiotik sebagai satu teori yang dapat menekankan segala persoalan pengkaji tentang kontradiksi aspek didaktik dalam puisi terpilih Usman Awang dengan lebih mendalam serta lebih mudah difahami. Oleh itu, aspek didaktik ini dapat dilihat sebagai satu wadah untuk mempertimbangkan bahawa teori semiotik ini mampai digunakan dalam mengkaji puisi terpilih Usman Awang dalam mengkaji karya tersebut menerusi pelbagai aspek seperti dari segi aspek perlambangan, imejan, ekspresi, dan hermeneutik.

Menurut Aart Van Zoest (2003) yang telah mendefinisikan semiotik merupakan pembelajaran tentang tanda dan segala yang berhubungan dengannya seperti cara berfungsi, hubungan dengan tanda-tanda yang lain, penghantar dan penerimaan oleh mereka yang mempergunakannya. Manakala, teori semiotik daripada Charles Sander Pierce digunakan agar mampu mengkaji karya menerusi pelbagai aspek, misalnya

daripada aspek perlambangan, imejan, ekspresi, dan hermeneutik. Teori semiotik ini sangat membantu dalam menambah nilai estetika terhadap intipati yang terdapat dalam puisi. Secara tidak langsung, hasil penulisan penulis dapat melatih pemikiran pembaca pada tahap yang lebih tinggi terhadap pemahaman yang tersirat di balik kosa kata dalam puisi. Oleh itu, teori semiotik mempunyai hubungkait dengan puisi disebabkan ia adalah satu nafas yang segar untuk kemampuan dan keutuhan nilai sesebuah puisi untuk dikaji oleh generasi baharu.

## 5.2 Perbincangan

Kajian ini berjaya menjawab objektif dan persoalan kajian dengan baik. Hal ini dikatakan demikian kerana hasil dapatan kajian sangat menjurus kepada perancangan awal dalam objektif dan persoalan kajian. Pengkaji berjaya memberikan pendekatan yang rapat dengan pembaca untuk diberi pendedahan yang luas. Oleh hal yang demikian, puisi-puisi ini mempunyai nilai manfaat hasil daripada pengalaman diri penulis itu tersendiri. Hal ini juga memperlihatkan pendirian dan keupayaan kreatif penulis yang tersendiri. Dengan adanya kajian sedemikian, maka ianya dapat membantu masyarakat lain lebih memahami kewujudan tanda dan bahasa dalam karya mereka. Kajian yang dijalankan ini juga jelas menunjukkan bahawa teori semiotik ini amat bagus kerana mampu membantu masyarakat dalam memahami sesebuah penulisan dengan baik.

Teori semiotik merupakan satu perkataan yang berasal daripada kata Yunani *semeion* yang berarti "tanda". Maksud tanda adalah dengan memberikan maksud dalam sesuatu hal yang menunjukkan maksud yang tersurat dalam perkataan itu. Hal ini bermaksud, bahawa semiotik merupakan cabang ilmu yang mempunyai kesinambungan dengan kajian tanda dan segala perkara yang berhubungan dengan tanda seperti sistem

tanda serta proses yang berlaku kerana semiotik ini merupakan ilmu yang mempelajari dan memberi makna dalam objek, peristiwa dan seluruh kebudayaan sebagai tanda.

Pengkaji telah menyempurnakan objektif yang pertama dengan menjawab persoalan tentang bagaimanakah unsur kontradiksi berdasarkan aspek didaktik yang terdapat pada puisi *Ke Makam Bonda* dan *Jiwa Hamba* dengan menganalisis dan menghuraikan definisi, maksud serta fungsi unsur kontradiksi yang didasarkan aspek didaktik dalam puisi-puisi terpilih tersebut. Pengkaji telah memberikan perbezaan serta persamaan yang terdapat dalam kajian tersebut agar ianya dapat dirungkaikan dalam memberikan pengajaran kepada masyarakat. Terdapat lima persamaan berdasarkan aspek didaktik dalam puisi *Ke Makam Bonda* dan *Jiwa Hamba* iaitu nilai kesyukuran, nilai tanggungjawab, nilai kasih sayang, nilai rasional, dan nilai kesederhanaan. Manakala perbezaan aspek didaktik berdasarkan puisi *Ke Makam Bonda* dan *Jiwa Hamba* juga terbahagi kepada lima iaitu nilai redha dan nilai keadilan, nilai etika dan nilai keberanian, nilai hormat-menghormati dan nilai nilai kebebasan, nilai peribadi mulia dan nilai jati diri, serta nilai kerjasama dan nilai berwaspada.

Pada bahagian objektif kedua, pengkaji telah mengenal pasti bentuk pemikiran yang didapati berdasarkan teori semiotik dalam puisi *Ke Makam Bonda* dan *Jiwa Hamba*. Teori semiotik telah diaplikasikan dalam menganalisis data-data yang diperolehi pengkaji. Antara bentuk pemikiran yang diperolehi pengkaji adalah bentuk tanda simbol dalam kajian ini. Puisi *Ke Makam Bonda* memiliki tujuh simbol yang dapat dikaitkan dengan unsur intrinsik dan ekstrinsik iaitu pusara, sunyi, nisan, doa, air mawar, kasih bonda, dan murni. Manakala puisi *Jiwa Hamba* pula memiliki lima simbol yang dapat dikaitkan dengan unsur intrinsik dan ekstrinsik iaitu penghuni, hamba, merdeka, kata sakti, dan bahang. Maka dengan itu, setelah dapatan ini diperolehi maka kajian ini dapat menyimpulkan bahawa

penyair banyak mengetengahkan pertimbangan-pertimbangan yang bersifat kemanusiaan.

Pada bahagian objektif ketiga, pengkaji membincangkan kesan didaktik yang diperolehi daripada puisi Usman Awang dalam membentuk pola pemikiran masyarakat. Pengkaji menggunakan kaedah soal selidik kepada pelajar Kesusasteraan Warisan kohort C18 daripada UMK. Pengkaji menyediakan beberapa bahagian persoalan mengenai pandangan responden terhadap kajian *Kontradiksi Aspek Didaktik dalam Puisi Terpilih Usman Awang: Kajian daripada Teori Semiotik*. Data yang diperolehi daripada para responden itu akan dikumpulkan dan dianalisis terhadap jawapan yang diberikan mengikut persoalan yang disediakan.

Kesimpulannya, tiga objektif yang menjadi kajian dalam projek kajian ini dapat dirumuskan bahawa puisi-puisi terpilih Usman Awang memperlihatkan mempunyai unsur didaktik yang banyak dan memberikan pengajaran serta nasihat kepada masyarakat dalam mengubah perspektif dari segi pemikiran manusiawi dan mempunyai nilai yang tinggi agar lebih ke arah kebaikan serta bermanfaat dalam kehidupan.



### 5.3 Cadangan

Berdasarkan kajian yang telah dihasilkan ini, pengkaji mempunyai tiga cadangan bagi hasil secara keseluruhannya dapat memberikan impak yang positif untuk masyarakat sebagai panduan dalam kehidupan seharian.

Pihak institusi pendidikan seharusnya menjadikan ilmu sastera sebagai subjek wajib di peringkat menengah atas. Hal ini dikatakan demikian kerana ilmu sastera terutamanya berkaitan puisi dapat membentuk jati diri dan sahsiah pelajar. Pihak yang bertanggungjawab di peringkat Kementerian Pendidikan seharusnya mengagaskan bahawa ilmu sastera perlu dijadikan sebagai subjek teras di peringkat menengah atas di peringkat institusi pendidikan menengah supaya generasi muda mampu meneliti dan memahami mengenai perjuangan Sasterawan Negara seperti Usman Awang untuk mengangkat nilai kemanusiaan dalam penghasilan puisi-puisinya.

Selain itu, golongan ibu bapa juga perlu menggalakkan anak-anak untuk membaca dan meneliti mengenai puisi. Ibu bapa seharusnya menjadikan amalan membaca sebagai perkara rutin di rumah supaya anak-anak dapat mencontohi amalan tersebut dalam kehidupan mereka. Sekiranya golongan ibu bapa secara sejangat mengamalkan amalan membaca dan meneliti mengenai puisi maka ia dapat membentuk jati diri dan kekuatan kepada generasi baharu yang intelektual dan mempunyai sikap yang terpuji rentetan daripada nilai murni daripada aspek didaktik yang difahami berdasarkan karya yang dibaca itu.

Akhir sekali, pihak kerajaan seharusnya mewar-warkan mengenai kepentingan ilmu sastera kepada masyarakat. Keprihatinan dalam konteks dorongan yang ditonjolkan oleh pihak kerajaan dalam memartabatkan ilmu berkaitan sastera semestinya akan membuka mata dan mempengaruhi masyarakat untuk melibatkan diri untuk mendalami ilmu yang berkait dengan sastera seperti puisi.

#### 5.4 Implikasi Kajian

Berdasarkan kajian yang telah dihasilkan ini, pengkaji berharap hasil secara keseluruhannya dapat memberikan kesan yang positif untuk masyarakat sebagai panduan dalam kehidupan seharian. Melalui kajian kontradiksi aspek didaktik dalam puisi terpilih Usman Awang berdasarkan teori semiotik telah menambahbaik secara murninya dalam konteks ilmu sastera untuk ditelusi oleh masyarakat awam.

Selain itu, kajian ini dilaksanakan untuk membuka minda dan memberikan pendedahan kepada masyarakat terhadap aspek didaktik untuk dipraktikkan dalam kehidupan. Hal ini demikian, generasi muda pada masa ini cenderung untuk terdedah dengan pelbagai anasir asing, namun dengan adanya kajian ini dapat memberikan jentikkan kepada hati muda mereka untuk sedar bahawa mereka merupakan golongan yang penting untuk menjayakan perilaku yang mulia untuk diri, keluarga, bangsa, dan negara.

Seterusnya, pengkaji akan datang dapat menjadikan kajian ini sebagai rujukan. Perkara ini dikatakan demikian kerana terdapat ilmu mengenai teori semiotik yang dapat dihubungkan dalam pelbagai pecahan kajian. Namun kajian ini jelas menekankan mengenai hubungan teori semiotik dengan aspek didaktik dalam puisi hasil karya Usman Awang iaitu *Ke Makam Bonda* dan *Jiwa Hamba*.

Akhir sekali, melalui kajian yang dijalankan ini juga dapat memberikan iktibar kepada golongan generasi muda yang tidak meminati prosa puisi moden ini. Hal ini demikian, kerana karya-karya sebegini kurang diminati oleh golongan para muda pada masa kini dan mereka hanya menganggap prosa puisi moden ini hanya satu karya yang membosankan mereka tanpa mengetahui manfaat-manfaat yang mampu mereka perolehi. Dengan adanya kajian sebegini, pengkaji mampu membuka minda golongan muda pada

masa kini untuk tidak memandang rendah terhadap karya-karya sastera terutamanya dalam karya sastera prosa puisi moden yang penuh dengan ilmu.

### **5.5 Rumusan**

Kesimpulannya, kajian ini memberikan satu nafas baharu kepada generasi muda untuk ditelusuri terumanya dalam pembentukan diri yang lebih baik. Melalui kontradiksi aspek didaktik dalam puisi terpilih Usman Awang yang dikumpulkan dan diperjelaskan dapat memoerlihatkan pembaca perbezaan unsur pengajaran namun memberikan ketersamaan dalam kesejahteraan kehidupan. Penerapan hubungkait dengan teori semiotic pula dapat merangsang minda pembaca untuk berfikir lebih jauh dalam makna tersirat sesuatu kata yang digunakan dalam penulisan tersurat.

## Rujukan

- Aart Van Zoest, Sudjiman dalam Aminudin (2003). *Semantik: Pengantar Studi tentang Makna*. Yogyakarta: Tiara Wacana.
- Abdul Halim Ali, Ahmad Zainuri Loap Ahmad (2010). *Warna Hitam dalam Sajak Usman Awang dan Mila Karlo: Satu Analisis Semiotik Charles Sander Peirce*.
- Ahmad, M. R. W. (2005). *Konsep Jati Diri Melayu Dalam Puisi Catatan Kembara "Nota Kecil Menyeberang Usia" The Concept Of Self Identity In Catatan Kembara "Nota Kecil Menyeberang Usia"*.
- Amelia, F. (2016). *Analisis Semiotik Dalam Kumpulan Puisi Love Poems Aku Dan Kamu Saduran Sapardi Djoko Damono*. Indonesia: Universitas Maritim Raja Ali Haji.
- Aminuddin (2009). *Penulisan Puisi*. Kuala Lumpur: Malaysia.
- Anis Sabirin (1973). *Mengenal Puisi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka & Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Ayu Nor Azilah dan Rohaini Amin (2016) *Didaktik Dan Ketatanegaraan Dalam Hikayat Isma Yatim*. Kuala Lumpur: Malaysia.
- AS Hornby (et.al.) (1980), *Kamus Progresif Inggeris-Melayu*, cet. Ke 4, Kuala Lumpur : Fajar Bakti, h. 186.
- Atiqah Noor. (2019, March 17). NILAI HORMAT-MENGHORMATI. <https://www.slideshare.net/AtiqahNoor/nilai-hormatmenghormati>
- Dian Nurrachman (2017). Teks Sastra Dalam Perspektif Semiotika Pragmatis Charles Sanders Peirce. *Jurnal Ilmiah Peradaban Islam*, 14(1), 83–88.
- Erni Zuliana. (2019). Film "Sang Ikyai" (Nasionalisme Islam Nusantara Perspektif Semiotika Roland Barthes). Al-Fathin: *Jurnal Bahasa Dan Sastra Arab*, 2(01),1–30.
- Fahd Razy, (2008). *Kumpulan Puisi Menggeledah Nurani*. Kuala Terengganu: GKLN Publishing House (e-karyawan Enterprise).
- Hamalik, Oemar. (2001). *Proses Belajar Mengajar*. Jakarta : Bumi Aksara.
- Imam Budi Utomo. (2007). *Pemahaman Semiotika Sajak Doa Karya Chairil Anwar*. Jakarta: Indonesia.
- Jyh Wee Sew (2016) *Analisis Kajian Sastera: Semiotik Dalam Novel Anwar Ridhwan*. 86(02). Bangi, Kuala Lumpur: Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Kamus Dewan Edisi Keempat (2015). Prpm.dbp.gov.my. Retrieved February 18, 2023, from <https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=ziarah>
- Kamus Dewan (2016). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Karim, R. (2021, Mei 5). Definisi Operasional : Tujuan, Manfaat dan Cara Membuat. Buku Deepublish. <https://deepublishstore.com/definisi-operasional/>
- Laporan Panel Anugerah Sastera-Puisi*. 1983. Dlm Puisi-Puisi Pilihan Sasterawan Negara Usman Awang.1994.Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Maszlee Malik (2021, 26 April). Sastera, Sasterawan dan Pendidikan. Bahan diakses pada 13 Julai 2022, daripada <https://www.malaysiakini.com/columns/572293>
- Md Sabri & Siti Norsyahira (2022) Unsur Didaktik Dalam Teks Seuntai Naratif Lisan  
Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan: Satu Penelitian Pendekatan Moral. *Undergraduate Final Year Project Report*. Universiti Malaysia Kelantan: Kelantan, Malaysia.
- Mohamad Shaidan, Shaiful Bahri Md. Radzi (2020) *Tradisionalis, Penyimpangan dan Puisi Sukar dalam Puisi Melayu Moden*. Bangi, Malaysia: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Faradi Bin Mohamed Ghazali dan Nordiana Ab. Jabar (2021). Gaya Bahasa Dalam  
Kepengarangan Puisi: Kajian Perbandingan Stilistik Penerima S.E.A Write Award Malaysia (Usman Awang) Dan Indonesia (Afrizal Malna). *Journal of Language, Communication, and Humanities*. 02(09), 23-40
- Mohd Firdaus Che Yaacob (2015). Nilai-Nilai Murni dalam Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu Kelantan: Satu Penelitian Pengkaedahan Melayu: Universiti Malaysia Kelantan.
- Mohd Hanafi Bin Jumrah & Zulfazlan Bin Jumrah (2021). Upin & Ipin Keris Siamang Tunggal: Agen Didaktik Pada Layar Budaya. *Persidangan Antarabangsa Bahasa, Sastera Dan Budaya Melayu. (Rentas 2021)*. Selangor: Malaysia.
- Muharam Awang, Shaiful Bahri Md. Rodzi (2020). *Indah Lagi Mengasyikkan: Gaya Bahasa Pertautan Usman Awang Dalam Puisinya*. Bangi, Malaysia: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nor Hashimah Jalaluddin (1992). Implikatur: Satu Aspek Seni Berbahasa Orang Melayu. *Jurnal Dewan Bahasa*.Ogos 1992. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nor Hashimah Jalaluddin (1992). *Semantik dan Pragmatik: Satu Pengenalan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Nor Hashimah Hj.Jalaluddin (1995). Bahasa Jual Beli Dalam Perniagaan Runcit: Satu Analisis Semantik Dan Pragmatik. *Tesis Ph.D.* Universiti Malaya.
- Nur Amirah Che Soh, Rohaidah Kamaruddin (2016). *Makna Dalam Puisi Terpilih Usman Awang*. Kelantan : Universiti Malaysia Kelantan.
- Nurul Aminah Basharuddin,Hasnah Mohamad (2014). *Interpretasi Pantun Daripada Perspektif Semiotik*. Bangi: Selangor.
- Pradopo, R. D. (2012). *Beberapa Teori Sastra. Teori Sastra*. Pustaka Belajar
- Rais Yatim. (2017, 13 September). Adab, budaya masyarakat hilang: Rais Yatim. Bahan diakses pada 13 Julai 2022, daripada <https://www.sinarharian.com.my/article/47661/BERITA/Nasional/Adab-budaya-masyarakat-sudah-hilang-Rais-Yatim>.
- Ridho, A. (2019). Pesan Moral dalam Puisi “Padamu Jua” Karya Amir Hamzah. *Madah: Jurnal Bahasa Dan Sastra*, 10(1), 63–74.
- Rosna Mohd. Khalid (2008). *Puisi-Puisi Eksperimen: Kerelevanan dan Signifikannya Dalam Sajak Melayu Moden*. Bangi, Malaysia: Universiti Kebangsaan Malaysia
- Siti Fatimah (2019). *Kumpulan Puisi Air Kata Kata Karya Sindhunata Dalam Perspektif Semiotika Sosial*. Bangi: Selangor.
- Siti Fatimah, Murywantobroto, H.R Utami, & Agus Wismanto (2020). *Konflik Dan Kritik Dalam Perspektif Semiotika Sosial Terhadap Novel Yang Bertahan Dan Binasa Perlahan Karya Okky Madasari*. Seminar Nasional Hasil Penelitian Dan Pengabdian Kepada Masyarakat.
- SIFAT REDHA. (n.d.). Kamarulazami.blogspot.com. Retrieved February 18, 2023, from <https://kamarulazami.blogspot.com/2010/06/sifat-redha.html>
- Sobur, A. (2003). *Semiotika Komunikasi*. Remaja Rosdakarya,\.
- Sulaiman Masri (2003). *Kaedah penyelidikan dan panduan penulisan (esei,proposal dan tesis)*. Utusan publication & distribution Sdn Bhd: Kuala Lumpur.
- Thabroni, G. (2019). *Pengertian Puisi, Unsur & Jenis Menurut Para Ahli*. Jakarta: Indonesia.
- Yirmi. (2016).my. [http://www.yirmi.my/article.php?ar\\_ID=176&pageno=1&field=ar\\_Title&order=ASC&category=3&language=1](http://www.yirmi.my/article.php?ar_ID=176&pageno=1&field=ar_Title&order=ASC&category=3&language=1)
- Zahra, A. (2020). *Analisis Unsur Bunyi Irama, Kakafoni, Dan Efoni Dalam Puisi Sajak-Sajak Untuk Pingkan Karya Raden Sarwono Hadi*. Indonesia.

Zaharah Hassan, Abu Daud Silong & Nazri Muslim. (2019). *Kepimpinan beretika dan kecemerlangan organisasi dalam perkhidmatan awam*. MALIM, Bil. 10.

Zainal Abidin (1889). Pengetahuan sebagai Elemen Tanggungjawab Manusia menurut Perspektif Islam Knowledge as An Element of Human Responsibility from the Islamic Perspective MuhaMMad atiullah OthMan indriaty isMail ABSTRAK. (n.d.). <https://doi.org/10.17576/islamiyyat-2016-3801-07>

Zurinah Hassan (2019, Ogos 8). *Usaha martabat sia-sia tanpa generasi muda*. <https://www.bharian.com.my/rencana/sastera/2019/08/594188/usaha-martabat-sastera-sia-sia-tanpa-generasi-muda>.

